

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"DI samping membaca, memahami ayat-ayat Al-Quran juga adalah menjadi keutamaan. Lalu kerana itu, kita pun mengambil langkah mengusahakan penyusunan Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya. Dan kini penyusunan itu sedang diusahakan".
- Titah Sempena Majlis Musabagah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Bagi Tahun 2020.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قلبي في

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

DIRIWAYATKAN daripada Abu Qatadah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Maksudnya : "Sesiapa (bermimpi) melihatku, maka dia telah melihat kebenaran". (Hadis riwayat al-Bukhari)

Waktu Sembahyang

IMSAK 5.05 SUBUH 5.15 SYURUK 6.32 DUHA 6.55 ZUHUR 12.34 ASAR 3.50 MAGHRIB 6.33 ISYAK 7.43

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 65 / BILANGAN 26

29 FEBRUARI 2020 / 1441 رجب 5

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

Utamakan pencapaian

Oleh : Wan Mohamad Sahran
Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) bukan sekadar menyebut sasaran dan angka akan tetapi mengutamakan pencapaian berdasarkan sasaran dan angka tersebut.

"Dalam pelan strategik ini, Kementerian telah menyasarkan untuk keluaran kasar Industri Sumber-Sumber Utama meningkat dari BND511 juta pada tahun 2015 kepada BND1.8 billion menjelang tahun 2020 iaitu peningkatan purata sebanyak 28.8 peratus setahun".

"Sementara bagi sektor pelancongan pula, Kementerian menyasarkan peningkatan bilangan kedatangan pelancong dari 218 ribu pada tahun 2015 kepada 450 ribu pada tahun 2020 iaitu peningkatan purata sebanyak 5.9 peratus setahun," titah baginda semasa membuat lawatan tidak berjadual di KSSUP, di sini.

Ke muka 3



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada siri lawatan tidak berjadual baginda ke Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah (Lihat muka 3, 4 dan 5).

Kedua tertuduh memilih mendiamkan diri

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 Februari. - Yang Arif Hakim Gareth Lugar-Mawson menyampaikan keputusan beliau bagi permohonan yang dibuat oleh pihak Pendakwa Raya di dalam kes terhadap Ramzidah binti Pehin Datu Kesuma Diraja Kol. (B) Haji Abdul Rahman (Tertuduh Pertama) dan Haji Nabil Daraina bin Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin (Tertuduh Kedua).

Mahkamah Tinggi membenarkan permohonan Pendakwa Raya bagi perintah larangan di bawah Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah ke atas harta-benda termasuk wang simpanan di dalam bank-bank tempatan di bawah nama kedua-dua Tertuduh dan juga dua orang anak mereka, 19 buah kereta yang dibeli dengan harga BND3,203,655 dan juga 456 barangan berjenama bernilai BND1,316,274 seperti jam tangan, beg tangan, aksesori dan kasut kepunyaan tertuduh.

Ke muka 7

Penghormatan kepada tokoh ilmuwan negara

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 Februari. - Tujuan utama penerbitan buku Kesultanan Brunei Darussalam adalah sebagai kenang-kenangan dan penghormatan kepada Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Profesor Kehormat (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar sebagai seorang pelopor dalam kajian dan penulisan sejarah Negara Brunei Darussalam serta kejayaan beliau khususnya dalam mencapai matlamat penubuhan Pusat Sejarah Brunei (PSB) sebagai sebuah institusi berautoriti mengenai pensejarahan negara ini.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pemangku Yang Di-Pertua Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR), Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong semasa Majlis Pelancaran Buku Kesultanan Brunei Darussalam Koleksi

Ke muka 8

Artikel Khas Sumbangan Kepada Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Profesor Kehormat (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bertempat di Dewan Jawatan Dalam, PSB, di sini.

Dalam ucapan alu-aluan Dr. Haji Muhammad Hadi yang juga selaku Pengerusi Majlis berkata, hasil kajian dan tulisan Yang Berhormat Pehin dalam bidang sejarah sejak selepas Perang Dunia Kedua telah menjadi sumber bacaan orang ramai dan rujukan kepada pelajar-pelajar di peringkat sekolah dan pusat pengajian tinggi serta pengkaji-pengkaji sejarah dalam dan luar negara.

Kejayaan dan sumbangan Yang Berhormat Pehin tambahnya, begitu bernilai tinggi dalam bidang sejarah yang mewajarkan beliau dikenang dan diberi penghormatan.

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH

InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

infodept.bn infodept_bn

Berita Utama



PKBN Pengambilan Ke-9 khatam Al-Quran

Muka 7



IMPLEMENTASI OCBS ke arah pengurusan lebih efisien dan bersistematik

Muka 8



TANAI amanah dengan jujur, adil dan saksama

Muka 9



PUSAT Penjagaan Mata penuh keperluan komuniti berkeperluan khas

Muka 22

Sentiasa peka terhadap landskap keselamatan

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
 Bismillaahir Rahmaanir Raheem
 Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
 Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
 Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'
 Wassalaamu 'Ala Asyarafil
 Mursaleen, Sayyidina
 Muhammaddin, Wa'ala Aalihee
 Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

SYUKUR ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah kurnia dan rahmat-Nya jua, mengizinkan kita berhimpun di Istiadat Perbarisan Hari Polis Ke-99 Tahun pada pagi yang penuh bersejarah ini.

Sesungguhnya perhimpunan ini adalah sangat bermakna dalam menyuntik semangat serta melestarikan budaya kerja berdaya maju, di samping merista pencapaian dan kejayaannya selaku anggota pasukan beruniform yang sentiasa berganding bahu bersama masyarakat dalam mempertahankan kedaulatan, memelihara keselamatan dan kemakmuran bumi Brunei Darussalam.

Di kesempatan ini, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada seluruh warga Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) di atas dedikasi dan khidmat bakti dengan usaha berterusan untuk mengekalkan profesionalisme dan momentum kecemerlangan demi keutuhan keharmonian kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Dalam mencapai usia Ke-100 tahun, berbagai bentuk cabaran dan dugaan telah dan bakal diharungi pasukan polis yang setentunya turut mempengaruhi perkembangan, ketahanan dan integritinya secara keseluruhan.

Tema Sambutan Hari Polis tahun ini, iaitu 'Bersama Menghadapi Cabaran', memperingatkan kita semua bahawa keteguhan iman serta nilai-nilai beragama dan bernegara adalah sinonim dengan cabaran kerjaya dan tugasan bidang kepolician yang memerlukan komitmen di samping jati diri yang tinggi.

Justeru, ketaatsetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada raja serta sikap jujur, amanah, dan kebertanggungjawaban kepada pucuk kepimpinan adalah merupakan teras kepada pasukan polis dalam bersama-sama mempertahankan kesucian agama, perpaduan rakyat serta memelihara ketenteraman dan kedaulatan negara.

Natijahnya, cabaran yang perlu dihadapi masa kini adalah semakin



SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri pada Istiadat Perbarisan Sempena Hari Polis Ke-99 Tahun, pada Selasa, 1 Rejab 1441 Hijrah bersamaan 25 Februari 2020 Masihi di Padang Kawad, Pusat Latihan Polis, Kompleks Ibu Pejabat Polis Gadong.

kompleks dalam mana kes-kes jenayah yang melibatkan ancaman pengganas dan ideologi bercanggah termasuk tindak-tanduk segelintir masyarakat yang ada kalanya di luar jangkaan. Kecanggihan teknologi infokomunikasi dan alam siber juga turut merubah landskap komunikasi sosial serta potensi ancamannya kepada keselamatan. Perkembangan ini menuntut pihak pasukan polis untuk sentiasa siap siaga dalam menangani serta mengurus kesan daripada perubahan-perubahan yang amat disruptif kepada keharmonian kehidupan dan perpaduan masyarakat.

Ke arah itu, pembangunan kompetensi yang relevan kepada setiap anggota adalah signifikan kepada memperkasa keupayaan serta meningkatkan tahap kesiapsiagaan secara berterusan.

Dalam hubungan ini, saya juga ingin mengingatkan semua anggota untuk sentiasa menanamkan sikap *sense of purpose and urgency* melalui amalan budaya kerja yang sentiasa bermatlamat serta besejaga dalam tindakan demi menandai amanah pasukan polis.

Di arena global pula, saya gembira mengetahui pasukan polis terus berusaha untuk mengembangkan rangkaian kerjasama dengan pasukan polis serantau dan antarabangsa termasuk menyertai misi pasukan pengaman di kawasan konflik tertentu. Perkara ini tentunya membantu ke arah memantapkan lagi kemampuan serta reputasi PPDB menurut standard dan perspektif luar agar sama hebat serta setanding dengan pasukan-pasukan asing yang seangkatan.

Setiap anggota hendaklah sentiasa peka terhadap landskap keselamatan semasa dengan mengikuti perkembangan bidang kepolician serantau dan antarabangsa, di samping bersedia untuk mempelajari dan mengadaptasi amalan-amalan terbaik menurut perspektif dan impak positifnya kepada negara. Perkara ini adalah selaras dengan titah paduka ayahanda semasa berangkat ke PPDB pada 5 September 2019 bahawa "Pasukan polis perlu mencari kecemerlangan dalam kerjaya mereka, cegah betul-betul jenayah, bersihkan Negara Brunei Darussalam daripada jenayah, ianya sebenar-benar tugas pasukan polis."

Bersukut dari titah tersebut, saya juga ingin menekankan tentang kepentingan untuk pasukan polis sentiasa beringat dan berwaspada bahawa setiap tindakan, tugas dan interaksinya bersama masyarakat adalah signifikan kepada meraih keyakinan masyarakat serta menegakkan kedaulatan undang-undang.

Akhirnya bersempena Istiadat Perbarisan Hari Polis Ke-99 Tahun, marilah kita bersama sama bertekad untuk terus menabur khidmat terbaik ke arah meningkatkan serta memperkukuhkan kewibawaan pasukan polis seiring dengan tuntutan zaman. Di sebalik segala tindakan dan apa jua usaha yang dilaksanakan, saya ingin menekankan bahawa setiap usaha dan tindakan tersebut hendaklah didasari dengan doa serta bertawakal sepenuhnya kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar kita semua sentiasa diberikan taufik dan hidayah serta dalam pemeliharaan dan keredaan-Nya.

Sekian, *Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakatuh.*

Dari Sidang Pengarang.

29 FEBRUARI 2020 BERSAMAAN 1441 رجب 5

HINDARI SIFAT SOMBONG

MANUSIA hidup di dunia ini tidak terlepas daripada godaan dan hasutan iblis dan syaitan laknatullah yang selalu cuba menghasut anak Adam dengan berbagai-bagai cara seperti membisikkan dalam hati mereka sifat-sifat 'mazmumah' seperti dendam, hasad dengki dan termasuklah sifat sombong dan sebagainya.

Sifat sombong itu adalah antara sifat yang tercela yang dibenci oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan merupakan penyakit hati yang boleh membawa kehancuran kepada diri seseorang kerana apabila sifat sombong atau takabur menguasai seseorang itu, seseorang itu boleh menjadi lupa diri sehingga dia menganggap dirinya lebih mulia, lebih hebat dan lebih segala-galanya daripada orang lain serta menganggap orang lain itu hina dan serba kekurangan.

Sifat sombong dan takabur adalah sifat yang dimiliki oleh iblis dan syaitan sebagaimana digambarkan dalam Al-Quran ketika Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan iblis untuk bersujud kepada Adam lalu dia (iblis) enggan. Hal ini disebutkan dalam Surah Al-Aqraf, ayat 12 - 13, tafsirnya : "Allah berfirman "Apakah yang menghalangimu untuk sujud kepada Adam di waktu Aku menyuruhmu." Iblis menjawab : "Aku lebih baik daripadanya, Engkau menciptakan aku dari api, sedangkan dia Engkau ciptakan dari tanah." Allah berfirman : "Turunlah engkau dari syurga itu kerana engkau tidak sepatutnya menyombongkan diri engkau di dalamnya, maka keluarlah sesungguhnya engkau termasuk dalam golongan orang-orang hina."

Oleh itu, kita hendaklah menjauhkan diri daripada bersikap sombong kerana sifat ini tidak sekali-kali mendatangkan kebaikan dan keuntungan bahkan kebinasaan dan kerugian juga yang diperoleh di dunia dan di akhirat kerana sifat sombong itu nanti di akhirat akan menjadi tabir pemisah antara seorang hamba dengan syurga.

Antara tanda sifat sombong itu ialah orang yang berasa megah terhadap dirinya yang mempunyai kelebihan berbanding dengan orang lain seperti dia lebih mulia, lebih pandai, lebih hebat dan sebagainya. Mereka juga suka menunjuk-nunjuk dan memuji diri sendiri. Tidak dinafikan orang yang sombong itu juga suka menghina dan memandang rendah kepada orang lain dan sebagainya. Mereka lupa bahawa pada hakikatnya apa yang mereka miliki itu adalah pinjaman daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Orang yang sombong akan berbangga dan bermegah dengan kelebihan yang dimilikinya, berbeza dengan orang yang beriman, mereka menerima apa jua nikmat itu dengan penuh kesyukuran dan sentiasa bersifat merendah diri ataupun tawaduk.

Bertawaduklah kita dalam menjalani kehidupan seharian kerana ia adalah sifat yang mulia lagi terpuji dan merupakan salah satu daripada sifat para nabi. Sifat tawaduk akan memimpin hati kita untuk menjadi orang yang bersifat belas kasihan dan tidak akan memandang kelebihan pada diri sendiri sebagai suatu kelebihan atau kehebatan. - **Ketua Penyuntingan (KI).**

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN		
32 25 °C	32 25 °C	31 26 °C
PEKAN BANGAR		
32 24 °C	32 24 °C	32 24 °C
PEKAN TUTONG		
33 25 °C	32 24 °C	32 25 °C
KUALA BELAIT		
32 25 °C	32 24 °C	31 25 °C

Wallahualam Bissawab
 Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam
 www.met.gov.bn

Talian Cuaca **114**
 Brunei WX App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
 "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi FEBRUARI	HARI	Hijrah REJAB	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
29	SABTU	5	5.05	5.15	6.32	6.55	12.34	3.50	6.33	7.43
1 MAC	AHAD	6	5.04	5.14	6.32	6.54	12.34	3.49	6.33	7.43
2	ISNIN	7	5.04	5.14	6.31	6.54	12.33	3.49	6.33	7.43
3	SELASA	8	5.04	5.14	6.31	6.53	12.33	3.48	6.33	7.43
4	RABU	9	5.03	5.13	6.31	6.53	12.33	3.48	6.32	7.42
5	KHAMIS	10	5.03	5.13	6.30	6.53	12.33	3.47	6.32	7.42
6	JUMAAT	11	5.03	5.13	6.30	6.52	12.33	3.47	6.33	7.42

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | **POLIS 993** | **BOMBA 995** | **PENYELAMAT 998**

(Talian Darussalam) **JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK**
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
 KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDCM 2380214

Dari muka 1

Utamakan pencapaian

Sehubungan itu, Kebawah DYMM menekankan sasaran yang dicapai perlu disediakan dengan data terutama dalam sektor pertanian dan perikanan. Demikian pula mengenai kewujudan peluang-peluang pekerjaan di sektor-sektor berkenaan juga belum dapat diketahui selain cuma menyebut angka-angka peluang pekerjaan yang didasarkan sahaja.

"Misalnya menyebut pengeluaran padi pada tahun 2017, kita baharu sahaja mencapai hampir lima peratus sara diri sementara dalam tahun 2020, Kementerian telah menyasarkan pengeluaran kepada 11 peratus. Apabila sasaran ditetapkan 11 peratus, maka perhatian mesti bulat kepada 11 peratus. Kita tidak akan memandang ke belakang lagi kepada lima peratus tetapi ghairah untuk mencapai 11 peratus semata-mata. Inilah cara orang mendaki untuk sampai kepada sasaran," tegas baginda.

Kebawah DYMM juga menasihatkan semua warga KSSUP agar tidak rimas dengan istilah-istilah motivasi seperti istilah sara diri yang mendukung maksud untuk memenuhi keperluan. Kita gunakan selama mana bersesuaian dan baik serta elok dipakai selagi matlamat sara diri belum tercapai tanpa mengira dari siapa dan ketika mana hendak dipakai.

Dalam melaksanakan Visi dan Misi Kementerian, baginda menegaskan, kepimpinan adalah tanggung utamanya dan kerana itu kepimpinan perlu lurus tidak boleh bengkok-bengkok.

Titah baginda, dalam melayani sebarang permohonan atau aduan, pemimpin tidak boleh kedaerahan atau kekeluargaan tetapi layanilah orang ramai dengan sama rata mengikut ketentuan-ketentuan yang telah digariskan.

"Pemimpin mustahak lebih memikir sebelum membuat satu-satu keputusan. Apa jua perkara perlu terlebih dahulu difikirkan secara mendalam," tegasnya lagi.

Baginda bertitah bahawa ciri kepincangan atau kelemahan ialah apabila pemimpin tidak menaruh kepercayaan kepada pegawai-pegawai bawahnya atau pemimpin bersikap tidak bersedia untuk menerima pandangan daripada pegawai-pegawai lain sekalipun pandangan itu baik. Sikap seperti ini ternyata melanggar konsep permesyuaratan.

Satu contoh, jelas baginda, bersabit keghairahan untuk menswastakan kawasan-kawasan pertanian walaupun objektif penswastaan itu dilihat sebagai baik, boleh meningkatkan penghasilan namun pemilihan siapa yang patut dipilih untuk mengendalikannya memerlukan pertimbangan mendalam.

"Tegasnya, Kementerian tidaklah boleh menganggap hanya faktor kekayaan sahaja layak menjadi penentu bagi satu-satu projek itu diberikan kepada pihak swasta. Jika ia berlaku nescaya semua projek akan dimonopoli oleh orang-orang kaya atau syarikat-syarikat besar sahaja. Penswastaan bukan bertujuan untuk merehatkan jentera kerajaan atau pihak kerajaan berpuas hati begitu sahaja dengan pencapaian-pencapaian, apa perolehan-perolehan yang tinggi oleh pihak swasta, sedang di pihak kerajaan hanya jadi penonton. Ini semua perlu difahami terutama oleh pembuat dan pemegang dasar," titahnya.

Titah baginda, satu cabaran besar yang dilalui masa sekarang ini adalah projek penanaman padi



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan titah pada siri lawatan tidak berjadual baginda ke Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP).

secara komersial di kawasan Kandol di Daerah Belait dengan peruntukan kawasan seluas 500 hektar tanah. Oleh yang demikian, baginda berharap pihak-pihak berkaitan sentiasa prihatin untuk melihatnya berjaya serta memastikan perjalanan lancar dan bersedia dalam mengatasi sebarang masalah.

Di samping itu titah baginda, janglah berhenti belajar dan membuat kajian, kaji kedudukan kawasan, kedudukan sungai dengan sawah dan kaji juga risiko penggunaan racun terhadap sungai. Selain itu, perlu pula bersedia dari sekarang untuk

projek fasa kedua penanaman nanti yang mungkin sahaja akan melalui kerja-kerja lebih sukar kerana kawasan fasa kedua ini adalah kawasan berbukit yang tidak mudah untuk melakukannya, kerja-kerja penggorekan dan perataan. Inilah juga masanya untuk kita melihat peranan berkesan dari konsultan yang dilantik.

Ketika bertitah, baginda juga melahirkan rasa kesal mengenai kegagalan memenuhi sasaran bagi projek Koridor Inovasi Bio Taman Agroteknologi di Kawasan Kemajuan Pertanian Tungku Gadong yang menelan

belanja lebih BND20 juta.

Titah baginda, walaupun ada usaha untuk menjadikannya, kawasan pertanian yang telah beberapa kali ditawarkan kepada pelabur-pelabur dalam dan luar negara untuk mengusahakan penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran namun sambutan didapati tidak menggalakkan dan akhirnya Koridor Inovasi Bio tersebut boleh dianggap sudah pun berkubur. Baginda menekankan bahawa perkara seumpama itu jangan ia diambil ringan, yang pasti ia berlaku adalah disebabkan kelemahan dan ketidakcekapan perancang.

Ketidakcekapan jejaskan petani, peladang tempatan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 Februari. - Kebanjiran buah-buahan dan sayur-sayuran di Brunei Darussalam sekarang ini menyebabkan berlakunya persaingan, penghasilan dan harga dari segi hasil dan harga dari luar negara. Harga buah-buahan dan sayur-sayuran luar negara lebih murah berbanding tempatan sehingga hasil tanaman luar lebih laris sehingga menjejaskan petani dan peladang tempatan dengan teruk.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menekankan perkara itu pada siri lawatan baginda tidak berjadual ke Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), yang juga seterusnya menyatakan bahawa kelemahan dan ketidakcekapan juga berlaku dalam perkara pengawalan pada masa ini.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima junjung ziarah daripada para pegawai KSSUP sejurus tiba di kementerian tersebut.

Ke muka 4



KEBAWAH DYMM berkenan bergambar kenangan bersama para pegawai dan kakitangan KSSUP.

Dari muka 3

"Petak-petak jualan di pasar-pasar juga turut jadi isu, petak-petak itu ada yang disewakan oleh warga tempatan kepada warga asing seperti misalnya di Pasar Tani Selayun, Mukim Sengkurong 'B',

penyewa-penyewa warga asing boleh dikatakan monopoli petak-petak berkenaan. Dan lebih malang lagi, mereka juga dengan sesuka hati menaik dan menurunkan harga-harga jualan tanpa dipantau dan dikawal oleh pihak berkenaan," jelas baginda.

Kebawah DYMM juga

meragui mengenai pemantauan dan pengawalan ke atas bahan-bahan jualan seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan juga ikan sebelum dijual kepada orang ramai iaitu memastikan semua bahan tersebut bebas daripada racun serangga yang merbahaya dan disembur secara berlebihan.

Baginda juga mempersoalkan kesempurnaan pelaksanaan tanggungjawab secara konsisten terhadap keselamatan pengguna termasuk kawalan bagi pengawetan ikan-ikan luar yang dibawa masuk ke negara ini.

"Kita sedia menyedari bahawa sektor pertanian masih banyak

masalah dan cabarannya. Di antara cabaran itu ialah bagaimana untuk kita menyuntik minat para petani supaya benar-benar menikmati bidang pertanian dan cabaran lain, bagaimana pula untuk meramaikan bilangan mereka yang mahu menceburi bidang ini. Pada masa ini, minat dan bilangan para petani dilihat masih di tahap yang rendah dan kedatangan juga sebilangan petani kita adalah terdiri daripada para pesara yang bertani bukan sepenuh masa tetapi cuma untuk mengisi masa lapang sahaja," tegas baginda.

Sehubungan itu, baginda ragu untuk menyaksikan perkembangan dan kemajuan sektor pertanian jika keadaan seperti itu berterusan dan seterusnya menekankan agar kita mesti cepat membuat perubahan.

Mengenai perikanan, baginda seterusnya menyatakan bahawa negara belum mampu menampung keperluan negara malah masih terlalu banyak bergantung kepada penghasilan ikan dari negara jiran.

"Pihak pengusaha tempatan dilihat sebagai timbul tenggelam, kalau diamati di Kompleks Pendaratan Ikan, Jabatan Perikanan, Serasa, banyak kapal-kapal tunda, penangkap ikan dikuasai oleh warga tempatan tetapi penghasilan tidak mampu untuk bersaing dengan ikan-ikan daripada luar," jelas baginda.

Ke muka 5



DALAM lawatan tidak berjadual ke KSSUP, baginda berkenan menerima sembah penerangan ringkas mengenai bahagian-bahagian yang baginda lawati (atas dan kiri).



BAGINDA berkenan menerima junjung ziarah (kiri). Sementara gambar atas, baginda meninjau bilik penyimpanan peralatan pejabat KSSUP.



BAGINDA berkenan bergambar bersama pegawai, kakitangan KSSUP dan orang awam yang berurusan di Kementerian tersebut.

Dari muka 4

Kebawah DYMM kemudiannya menekankan pihak berkenaan dan tidak terlepas pandang mengenai kebenaran akan desas-desus tentang kapal-kapal ini disub-kontrakkan kepada orang asing tanpa kawalan dan kerana itu, baginda tidak hairan jika tangkapan-tangkapan terus dijual kepada pembekal-pembekal di restoran dalam negara ini yang menjadikan orang ramai tidak berpeluang untuk membelinya.

Sumber laut adalah antara industri yang berupaya untuk meningkatkan pendapatan negara. Namun ia berkehendakkan tenaga kerja, aset dan kepakaran bagi

mengerakkannya. Maka ke arah itu, jelas baginda, industri tersebut memerlukan rancangan yang kemas dan inovatif. Sudah sampai masanya kita perlu memiliki daya keusahawanan yang tinggi.

Baginda kemudiannya menyatakan mengenai kepentingan sumber hutan yang kita miliki sebagai khazanah negara antaranya kayu gaharu yang bermutu tinggi.

"Tetapi pemantauan dan pengawalannya masih diragukan apabila aktiviti-aktiviti pembalakan haram di kawasan sempadan masih terus didengar ceritanya. Jika keadaan ini dibiarkan terus berlaku, nescaya boleh menghakis aset sangat berharga ini," titah baginda.

Baginda juga menjelaskan

dalam titah untuk menjadikan negara sebagai destinasi pelancongan yang menarik. Dalam pada itu, tambah baginda, kita sedia memahami bahawa Brunei Darussalam memang masih kekurangan tempat-tempat menarik mahupun kemudahan namun ini akan diatasi sedikit demi sedikit melalui rancangan-rancangan kemajuan masa hadapan.

"Yang lebih penting buat kita sekarang ialah menjaga dan memelihara apa yang sudah ada, jaga dan peliharalah ia sebaik mungkin sehingga benar-benar kelihatan menarik dan bukan comot dan kotor. Ada sungutan kebanyakan tempat pelancongan yang telah disediakan tidak dijaga dengan baik secara konsisten dan malah ada yang

terbiar begitu sahaja. jika ini benar, ia adalah mengaibkan," tegas baginda lagi.

Semasa keberangkatan Lawatan tidak berjadual ke KSSUP, baginda berkenan menyaksikan secara lebih dekat dan mengetahui mengenai fungsi yang terdapat di bangunan Kementerian berkenaan.

Pusat Nadi Borneo dan Unit Penguatkuasaan (Renjer Hutan) Jabatan Perhutanan, Bahagian Tanaman dan Bahagian Biosekuriti, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan antara menjadi perhatian baginda semasa lawatan tersebut.

Selain beramah mesra bersama warga Kementerian berkenaan, baginda juga berkenan melawat ke Jabatan Kemajuan Pelancongan, Jabatan Perhutanan serta bahagian dan unit lain yang terdapat di Kementerian itu. Hadir mengiringi baginda, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong.



KEBAWAH DYMM berkenan menyaksikan secara lebih dekat dan mengetahui mengenai fungsi yang terdapat di Kementerian berkenaan. Termasuk Pusat Nadi Borneo dan Unit Penguatkuasaan (Renjer Hutan) Jabatan Perhutanan, Bahagian Tanaman dan Bahagian Biosekuriti, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan lain-lain bahagian (kiri, atas dan bawah).



WALAUPUN sibuk dengan tugas negara, baginda sentiasa gembira bertemu dengan rakyat di mana sahaja baginda berangkat. Gambar atas dan kiri, baginda berkenan berswafoto dan bergambar bersama rakyat baginda.

Kes dua pegawai kehakiman diperdengarkan lagi



DAYANG Ramzidah binti Pehin Datu Kesuma Diraja Kol. (B) Haji Abdul Rahman semasa dibawa ke Mahkamah Tinggi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 Febuari. - Pihak Pendakwa Raya Dato Seri Setia Davinder Singh SC, membuat permohonan bagi perintah larangan di bawah bab 49(1) Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah ke atas harta-benda yang telah dirampas oleh Biro Mencegah Rasuah

sepanjang siasatan yang juga dikemukakan oleh pihak pendakwaan di dalam perbicaraan terhadap tertuduh-tertuduh.

Harta benda tersebut adalah termasuk wang simpanan di dalam bank-bank tempatan di bawah nama kedua-dua tertuduh dan juga dua orang anak mereka, 19 buah kereta dan juga 456

barangan berjenama seperti jam tangan, beg tangan, aksesori dan kasut kepunyaan tertuduh.

Sehubungan itu, Mahkamah Tinggi hari ini memperdengarkan lagi kes terhadap Ramzidah binti Pehin Datu Kesuma Diraja Kol. (B) Haji Abdul Rahman dan Haji Nabil Daraina bin Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin di hadapan Yang Arif Hakim Gareth Lugar-Mawson. Semasa perbicaraan pada tahun lepas, bukti yang dikemukakan telah menunjukkan bahawa jumlah pendapatan tertuduh yang sah di antara tahun 2003 dan 2017 adalah BND2,185,232.36.

Pegawai Penyiasat BMR menjalankan penganalisaian kewangan telah memberikan keterangan yang tidak dibantah mengenai anggaran nilai harta-benda yang dipersoalkan iaitu lebih daripada BND4,945,714.07. Pihak Pendakwa Raya berhujah bahawa pendapatan sah tertuduh sangat jelas tidak dapat menyokong pembelian harta-benda tersebut.

Tambahan lagi, sejak penyiasatan ke atas mereka sejak Januari 2018, tertuduh tidak ada mengemukakan sebarang bukti yang boleh membuktikan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid, Noratini Haji Abas
Foto : Hamzah Mohidin

kehidupan mewah mereka yang tidak setimpal dengan pendapatan.

Hakim perbicaraan telah menerima bukti bahawa di antara tahun 2011 dan 2017, penyimpanan wang tunai dalam jumlah yang besar ada dibuat ke dalam akaun-akaun tertuduh daripada wang yang diperolehi daripada kesalahan pecah amanah yang dilakukan oleh tertuduh pertama.

Di antara tahun 2008 dan 2017, kedua-dua tertuduh telah membayar sebanyak BND2,274,035 secara tunai bagi pembelian 25 buah kereta mewah. Kereta-kereta ini telah dibeli dalam tempoh masa tertuduh pertama mengeluarkan wang tunai dalam jumlah yang besar dari akaun-akaun penerima rasmi di Bank Islam Brunei Darussalam di bawah kawalannya. Terdapat alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa kereta-kereta ini adalah hasil daripada wang yang telah disalahgunakan oleh tertuduh pertama.

Dalam menentang permohonan pendakwa raya, tiga keterangan bersumpah telah dikemukakan

bagi menyokong tertuduh. Walau bagaimanapun, Dato Seri Setia Davinder Singh SC menekankan bahawa tidak ada sebarang bukti dalam keterangan ini yang menyatakan bahawa harta-benda yang berkaitan dengan permohonan Pendakwa Raya adalah bersumberkan daripada sumbangan kewangan ahli-ahli keluarga.

Tertuduh kedua juga telah menyediakan keterangan bersumpah yang bergantung pada keterangan berkanun yang telah dikemukakan kepada BMR semasa penyiasatan. Menurut pihak Pendakwaraya, keterangan tersebut tidak memberikan penjelasan sepenuhnya mengenai sumber dana yang terdapat di dalam akaun-akaun bank di bawah nama tertuduh kedua.

Simon Farrell QC menentang permohonan yang dibuat oleh Pendakwa Raya kerana harta-benda tersebut telah pun dirampas oleh pihak penyiasat dan perintah larangan telah dikeluarkan terhadap bank-bank untuk menyekat penggunaan dana di dalam akaun-akaun bank yang berkenaan.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hernie Sulaina Haji Othman

BND6 juta masih tidak diketahui kedudukannya

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 Febuari. - Ramzidah binti Pehin Datu Kesuma Diraja Kol. (B) Haji Abdul Rahman dan Haji Nabil Daraina bin Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin dihadapkan di Mahkamah Tinggi hari ini di hadapan Yang Arif Hakim Gareth Lugar-Mawson.

Pendakwa Raya Dato Seri Setia Davinder SC dalam hujah balasannya menyatakan bahawa rampasan dan perintah larangan yang ada pada masa ini adalah berlainan daripada perintah larangan yang dikeluarkan dari Mahkamah yang memberikan perlindungan jauh lebih tinggi pada Pihak Kerajaan kerana sebarang pelanggaran perintah ini adalah merupakan satu kesalahan jenayah.

Simon Farrell QC juga membantah permohonan terhadap beberapa akaun bank kepunyaan tertuduh dan dua orang anak mereka memandangkan wang-wang di dalam akaun tersebut adalah bersumberkan daripada pendapatan gaji dan elaun mereka.

Pihak Pendakwa Raya menekankan lagi yang sudah dinyatakan oleh Pegawai Penyiasat BMR di dalam keterangan bersumpah mengenai dengan akaun-akaun bank. Penyiasatan kewangan yang dijalankan oleh BMR menunjukkan bahawa beberapa simpanan wang tunai telah dibuat ke dalam akaun-akaun tersebut termasuk simpanan yang dibuat beberapa hari setelah tertuduh

pertama membuat pengeluaran wang tunai besar daripada akaun-akaun penerima rasmi.

Perkara ini menunjukkan bahawa wang-wang tersebut telah bercampur dan ini adalah dikira sebagai harta yang tercemar di bawah undang-undang dan dianggap sebagai hasil jenayah.

Permohonan kedua yang dibuat oleh Pendakwa Raya adalah untuk tertuduh membayar kos pendakwaan seperti yang diperuntukkan di dalam Kanun Peraturan Jenayah. Pihak Pendakwa Raya memohon untuk tertuduh pertama membayar kos sebanyak BND1 juta dan tertuduh kedua untuk membayar kos sebanyak BND500,000.

Jumlah ini merupakan 65 peratus daripada kos sebenar yang ditanggung bagi pendakwaan kes ini termasuklah bayaran yuran profesional peguam dari negara asing dan bayaran-bayaran yang berkaitan dan juga kos yang ditanggung bagi siasatan terhadap tertuduh-tertuduh termasuklah bayaran penyimpanan dan penyelenggaraan serta bayaran insurans perlindungan untuk kenderaan yang dirampas daripada tertuduh.

Simon Farrell QC membantah permohonan pihak Pendakwa Raya kerana kedua-dua tertuduh tidak mempunyai kemampuan kewangan untuk membayar kos pendakwaan. Tambahan lagi, beliau menyatakan bahawa kos yang dipohonkan daripada tertuduh kedua adalah sangat tinggi padahal dia hanya disabitkan bersalah ke atas enam tuduhan pembersihan wang

haram.

Dato Seri Setia Davinder Singh SC mengingatkan Mahkamah bahawa daripada jumlah BND15.75 juta yang telah disalahgunakan oleh tertuduh pertama, BND6 juta masih tidak lagi diketahui kedudukannya.

Tertuduh tidak seharusnya dibenarkan untuk mengatakan mereka tidak mempunyai kemampuan kewangan jika mereka tidak memberi maklumat mengenai kedudukan wang yang tidak diketahui itu.

Beliau turut menambah bahawa tertuduh kedua terlibat dalam menikmati faedah daripada kesalahan pecah amanah yang dilakukan oleh tertuduh pertama. Adalah tidak munasabah jika pihak pembelaan mencadangkan bahawa tertuduh pertama mengetahui kedudukan BND6 juta itu dan langsung tidak memberitahu suaminya.

Beliau seterusnya menegaskan bahawa Pihak Kerajaan telah menanggung beban kos pendakwaan yang besar bagi membuktikan kesalahan kedua-dua tertuduh dan untuk menegakkan keadilan. Tertuduh-tertuduh seharusnya bertanggungjawab ke atas beban kos ini.

Permohonan terakhir yang dibuat oleh pihak Pendakwa Raya adalah untuk pembatalan ke atas pengantungan yang telah diperintahkan ke atas

kesalahan-kesalahan di bawah bab 12(1)(b) Akta Pencegahan Rasuah terhadap kedua-dua tertuduh bagi pemilikan harta yang tidak setimpal dengan pendapatan mereka.

Penangguhan ini telah diperintahkan oleh Yang Arif Hakim Lugar-Mawson pada bulan Oktober 2019 selepas pihak Pendakwa Raya menutup kes mereka. Pihak pembelaan membantah permohonan ini atas sebab ia sepatutnya didengarkan di hadapan Mahkamah Rayuan selepas rayuan-rayuan terhadap sabitan tertuduh-tertuduh diputuskan.

Yang Arif Hakim Gareth

Lugar-Mawson akan menyampaikan keputusan beliau bagi tiga permohonan yang dibuat oleh pihak Pendakwa Raya esok, Khamis 27 Februari 2020 pada jam 2 petang.

Turut hadir bagi pihak Pendakwa Raya adalah Timbalan-Timbangan Pendakwa Raya Hajah Suriana Haji Radin, Dk. Didi-Nuraza Pg. Haji Abdul Latiff dan Muhammad Qamarul Affyian bin Abdul Rahman dari Pejabat Peguam Negara dan Navin Thevar dari Davinder Singh Chambers LLC, Singapura. Simon Farrell QC dan Sheikh Noordin Sheikh Mohammad, hadir bagi pihak tertuduh.



HAJI Nabil Daraina bin Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin ketika tiba di Mahkamah Tinggi.

Kedua tertuduh memilih mendiamkan diri

Dari muka 1

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hamzah Mohidin



RAMZIDAH binti Pehin Datu Kesuma Diraja Kol. (B) Haji Abdul Rahman (atas) dan Haji Nabil Daraina bin Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin (bawah) hadir di Mahkamah Tinggi.



Harta-benda ini adalah dianggap sebagai harta tercemar dan boleh dipohonkan perintah rampasan di bawah Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah pada kemudian hari.

Bagi permohonan Pendakwa Raya untuk Tertuduh-tertuduh membayar kos pendakwaan, Yang Arif Hakim Lugar-Mawson tidak berpuas hati dengan cadangan bahawa tertuduh-tertuduh tidak mempunyai kemampuan kewangan untuk membayar.

Ini adalah berdasarkan wang berjumlah BND6 juta yang telah diambil oleh Tertuduh Pertama masih tidak dapat dikesan atau diketahui.

Walaupun diberi banyak peluang untuk menjelaskan kepada pihak berkuasa mengenai apa yang telah terjadi dengan wang tersebut ataupun jika wang tersebut sememangnya sudah tidak lagi ada, kedua-dua Tertuduh memilih untuk mendiamkan hal itu.

Meskipun wang yang terlibat di dalam kesalahan pembersihan wang haram terhadap Tertuduh Kedua adalah kecil berbanding BND15.75 juta yang telah disalahgunakan, Mahkamah berpendapat bahawa Tertuduh Kedua berkongsi dalam jumlah yang besar daripada kesalahan pecah amanah yang dilakukan oleh

isterinya dan turut menikmati gaya hidup yang mewah.

Yang Arif Hakim Lugar-Mawson memerintahkan untuk Tertuduh Pertama membayar kos pendakwaan sebanyak BND1 juta dalam tempoh masa enam bulan dan penjara enam bulan jika gagal membayar.

Mahkamah juga memerintahkan Tertuduh Kedua untuk membayar BND500,000 dalam tempoh masa enam bulan dan penjara tiga bulan jika gagal membayar.

Jika gagal membuat pembayaran, hukuman penjara ini akan dijalankan selepas selesai menjalankan hukuman penjara yang dijalankan pada masa ini.

Kedua-dua Tertuduh pada mulanya didakwa dengan kesalahan-kesalahan di bawah bab 12 Akta Pencegahan Rasuah tetapi kesalahan-kesalahan ini telah digantung oleh Yang Arif Hakim Lugar-Mawson selepas pihak Pendakwa Raya menutup kes mereka.

Perintah penggantungan ini telah dibuat bagi tujuan keadilan kerana kesalahan ini memerlukan Tertuduh untuk memberi keterangan bagi menjelaskan kemewahan yang dimiliki oleh keduanya walaupun

undang-undang memberikan mereka hak untuk berdiam diri bagi kesalahan-kesalahan lain yang mereka hadapi.

Alasan yang telah diberikan itu sudah tidak lagi digunakan setelah Tertuduh-tertuduh disabit bersalah dan dijatuhkan hukuman.

Yang Arif Hakim Lugar-Mawson memerintahkan supaya penggantungan itu dibatalkan. Ia adalah terpulang kepada Pendakwa Raya untuk memutuskan sama ada meneruskan pendakwaan ini adalah di dalam kepentingan keadilan atau sebaliknya.

Keputusan ini hanya akan dibuat setelah Mahkamah Rayuan memutuskan rayuan kes ini.

Pihak Pendakwa Raya diketuai oleh Dato Seri Setia Davinder Singh S.C bersama dengan Timbalan Pendakwa Raya Hajah Suriana binti Haji Raden; Dayangku Didi-Nuraza binti Pengiran Haji Abdul Latiff dan Muhammad Qamarul Affyian bin Abdul Rahman dari Pejabat Peguam Negara; dan Navin Thevar dari Davinder Singh Chambers LLC, Singapura.

Simon Farrell, QC dan Sheikh Noordin Sheikh Mohammad hadir bagi pihak Tertuduh-tertuduh.

PKBN Pengambilan Ke-9 khatam Al-Quran

Berita dan Foto: Muhammad Akmal Haji Ali



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (kiri) menyampaikan sijil kepada pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-9 pada majlis berlangsung di Kompleks PKBN.

BATU APOI, Jumaat, 28 Februari. - Majlis Khatam Al-Quran bagi Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-9 telah berlangsung pagi tadi bertempat di Dewan Kuliah, Kompleks Program Khidmat Bakti Negara, Batu Apoi, Daerah Temburong. Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Menteri Kebudayaan,

Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan isteri.

Turut hadir ke majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, Setiausaha Tetap Pentadbiran Kewangan dan Estet, Kementerian Kebudayaan

Belia dan Sukan, Pengiran Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohamad Khairul Shahrul bin Haji Duahim, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, Jemputan-jemputan Khas, Penghulu-penghulu serta Ketua-ketua Kampung dan ibu bapa pelatih.

Acara dimulakan dengan Bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Tetamu Kehormat Majlis, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan diikuti dengan bacaan Khatam Al-Quran yang dipimpin oleh 12581 Pelatih Awang Md. Isa bin Omar.

Acara diteruskan dengan bacaan Tahليل dan Takhtim yang diketuai oleh 12381 Pelatih Awang



12381 Pelatih Ali Musa Hafiuiddien bin Haji Yanliamanshah mengetuai bacaan Tahليل dan Takhtim (dua, kanan).

Ali Musa Hafiuiddien bin Haji Yanliamanshah dan diteruskan dengan bacaan Doa Khatam yang diketuai oleh 12321 Pelatih Awang Nur Afiq bin Abdul Rahim.

Majlis diteruskan dengan Penyampaian Sijil daripada Tetamu Kehormat Majlis kepada pelatih lelaki dan sementara penyampaian sijil kepada pelatih perempuan pula disampaikan oleh Isteri Tetamu Kehormat dengan diiringi Dikir Marhaban.

Tujuan utama majlis tersebut diadakan ialah untuk memupuk

semangat cinta Al-Quran dan budaya membaca Al-Quran secara berterusan dalam kalangan para belia muda dan sebagai mercu tanda bagi pelatih-pelatih yang akan menamatkan latihan mereka tidak lama lagi serta mencapai Wawasan Brunei 2035 dengan melengkapkan belia-belie dengan penerapan falsafah 'Negara Zikir'.

Seramai 225 pelatih lelaki dan 149 orang pelatih wanita yang beragama Islam menyertai Majlis Khatam dari PKBN bagi Pengambilan Ke-9.



ANTARA yang hadir pada Majlis Khatam Al-Quran bagi PKBN Pengambilan Ke-9 berkenaan.

Penghormatan kepada tokoh ilmuwan negara



PEMANGKU Yang Di-Pertua Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR) menyampaikan ucapan alu-aluan beliau.

Dari muka 1

Penganugerahan Keilmuan Negara dengan gelaran Profesor Kehormat kepada Yang Berhormat Pehin menurutnya, adalah sebagai penghargaan kepada Yang Berhormat Pehin yang merupakan seorang tokoh Ilmuwan Negara Brunei Darussalam yang dinilai layak untuk menerima kerana

keilmuannya dan merupakan seorang tokoh negara tersohor yang telah banyak menabur bakti khususnya dalam bidang sejarah dan juga aspek pendidikan, budaya, sastera dan agama di negara ini.

Hadir selaku Tetamu Kehormat dan seterusnya menyempurnakan pelancaran buku berkenaan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Turut hadir, Pengetua PSB, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Profesor Kehormat (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari; Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan dan Kesukanan), KKBS, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Buku Kesultanan Brunei Darussalam Koleksi Artikel Khas

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Sumbangan Kepada Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Profesor Kehormat (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri mengandungi 17 buah artikel yang telah disumbangkan oleh 15 penulis tempatan dan dua dari luar negara.

Penerbitan buku tersebut diungkuhkan oleh PESEBAR dan kos percetakannya adalah ditaja oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan jualan harga berjumlah BND15 bagi jenis *soft cover* dan BND25 bagi jenis *hard cover*.

Orang ramai yang ingin mendapatkan buku tersebut bolehlah mengunjungi Pesta Buku Brunei 2020 yang akan berlangsung selama 10 hari bermula 28 Februari 2020 hingga 8 Mac 2020 bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (dua, kanan) dan Yang Berhormat Pengetua Pusat Sejarah Brunei (kanan) ketika hadir pada Majlis Pelancaran Buku Kesultanan Brunei Darussalam.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (kanan) menyempurnakan pelancaran buku Kesultanan Brunei Darussalam.



Implementasi OCBS ke arah pengurusan lebih efisien dan bersistematik



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II bersama Yang Berhormat Menteri Pembangunan hadir bagi melancarkan Skim Perumahan Negara, One Common Billing System (OCBS) yang berperanan dalam melaksanakan pembayaran bil secara dalam talian (kiri). Sementara gambar kanan, kedua-dua menteri tersebut menyaksikan pembayaran secara dalam talian melalui skim tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 Februari. - Berpotensi sebagai satu platform dalam memudahkan orang ramai khususnya pemilik-pemilik rumah di bawah Skim Perumahan Negara, One Common Billing System (OCBS) berperanan dalam melaksanakan pembayaran bil secara atas talian (Online).

Pemangku Pengarah Kemajuan Perumahan, Awang Haji Shahrudin bin Haji Anuar seterusnya berkata, ia akan memberikan pilihan kepada orang ramai untuk membuat pembayaran secara alternatif seperti melalui kad debit atau kad kredit, dan melalui talian bank (yang mana akan dilaksana secara berfasa), selain dari pembayaran tunai yang

lazimnya dibuat di kaunter-kaunter pembayaran.

"Pelancaran ini juga membuka lembaran baharu bagi Jabatan Kemajuan Perumahan, sebagai agensi Kerajaan pertama untuk mengimplementasi OCBS, ke arah pengurusan dan pengendalian hal ehwal pembayaran yang lebih efisien, lebih sistematik dan lebih teratur, sekaligus mempertingkatkan mutu pemberian perkhidmatan kepada orang ramai," ujarnya pada Majlis Pelancaran OCBS yang berlangsung di Jabatan Kemajuan Perumahan, di sini.

Hadir selaku Tetamu Kehormat dan seterusnya melancarkan OCBS ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri

Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dan Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin.

Sementara itu, Pemangku Jurukira Agung, Jabatan

Perbendaharaan, Dayang Hajah Chairani binti Haji Sulaiman dalam penerangan ringkasnya menjelaskan, pelaksanaan projek OCBS akan dapat lagi mendukung usaha Industri Revolusi Ke-4 (Industrial Revolution 4.0).

Beliau menjelaskan, OCBS yang dibangunkan oleh Jabatan Perbendaharaan, adalah sebuah sistem lanjutan daripada sistem ePayment Gateway (ePG) di mana ia disediakan untuk agensi Kerajaan yang tidak mempunyai sistem atau modul bil (billing system) dan modul kutipan hasil.

Jelasnya, sistem OCBS itu akan membolehkan agensi kerajaan untuk mengutip hasil tanpa membangun sistem berasingan dan memudahkan pengutipan hasil

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi
Awang Abdul Hamid

yang diterima oleh Kementerian dan jabatan.

"Melalui sistem ini katanya lagi, ianya akan memudahkan orang ramai untuk membuat pembayaran ke atas bil perumahan mereka melalui berbagai saluran seperti pembayaran dalam talian (*online payment*) dengan melayari portal OCBS dan perbankan internet di mana resit penerimaan pembayaran akan dihantar melalui emel atau telefon bimbit tuan punya rumah dan pembayar," ujarnya.

Tambahnya, OCBS juga berupaya untuk menyediakan penjana bil dan membantu Jabatan Kemajuan Perumahan memantau bil-bil yang tertunggak dengan penyediaan laporan yang lengkap dan tepat di mana ia juga akan memudahkan jabatan bagi membuat tagihan ke atas bil-bil yang tertunggak dengan lebih sistematik.

Beliau berkata, OCBS dilancarkan secara berperingkat di mana pada fasa pertama, sistem ini dilaksanakan secara rintis bersama dengan Jabatan Kemajuan Perumahan dan kemudiannya akan dilaratkan ke beberapa Jabatan lain yang telah dikenalpasti. Maklumat lanjut mengenai sistem OCBS ini boleh diperolehi melalui laman sesawang Kementerian Kewangan dan Ekonomi : www.mofe.gov.bn.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Tetamu Kehormat Majlis ketika berucap pada majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 Februari. - Kepimpinan yang hebat adalah pemimpin yang berupaya membangunkan masyarakat, bangsa dan Negara, di samping bertanggungjawab memastikan kebijakan dan kesejahteraan semua pihak sentiasa terpelihara, samada fizikal mahupun jua spiritual mereka sepertimana hikmah besar yang terungkap di dalam Maqasid Syariah.

Menyentuh mengenai kepimpinan, sudah tentunya kita akan bercontohnya kepada keperibadian Rasulullah serta ciri-ciri kepimpinan yang ada pada diri Baginda. Antara penekanan yang sering diketengahkan dan diperkatakan di dalam membincangkan perkara ini ialah untuk sentiasa mengamalkan apa jua yang diajarkan melalui Al-Quran dan As-Sunnah. Dengan berbuat demikian, InsyaaAllah kita tidak akan terpesong dalam melaksanakan amanah sebagai seorang pemimpin yang baik.

Tanai amanah dengan jujur, adil dan saksama

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohidin

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud menyatakan perkara tersebut semasa Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil bagi Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO) Ke-27, Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMMO) Ke-27 dan Ke-28; dan Program Eksekutif Muda (YEP) Kohort 4 yang berlangsung di Dewan Bankuet, Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Menurut Yang Berhormat lagi, apabila berbicara mengenai konsep 'amanah', ianya merupakan satu konsep asas dalam kehidupan seharian kita yang merupakan satu tuntutan dan tanggungjawab yang sangat besar. Ini lebih-lebih lagi merujuk kepada amanah yang dipertanggungjawabkan kepada seorang ketua.

Semakin tinggi kedudukan seseorang itu dalam organisasi, maka semakin beratlah amanah dan tanggungjawab yang dipikul. Status, kedudukan atau pangkat tersebut bukannya merupakan 'keistimewaan' untuk kita membanggakan diri, ianya perlu dilihat dan diterima sebagai satu amanah yang besar yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu

Wata'ala.

Oleh itu ujar Yang Berhormat, apabila diamanahkan dengan pangkat atau kuasa, seorang pemimpin atau ketua perlulah menggunakan pangkat atau kuasanya dengan penuh jujur, ikhlas, adil dan saksama. Ianya bukan hanya sekadar menyempurnakan arahan dan tugas harian, bahkan ianya perlukan kepada pemikiran yang bijaksana serta penjagaan akhlak agar setiap keputusan, tindak-tanduk dan pekerjaan yang dibuat benar-benar.

Tambah Yang Berhormat, jika ianya dilaksanakan seperti itu, maka pemimpin itu akan berupaya melindungi kesejahteraan semua pihak termasuk peringkat bawahan, menunaikan serta menyampaikan keadilan dan jua memberikan hak kepada mereka yang benar-benar berhak. Oleh itu, setiap apa yang dipelajari dan dituntut itu hendaklah ianya diterima sebagai satu amanah serta hendaklah ia disejajarkan dengan akhlak dan sifat-sifat yang terpuji.

Yang Berhormat berkata, Kerajaan Kebawah Duli Yang Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa peka dan mendukung usaha untuk mempersiapkan sumber manusia yang kompeten

serta employable secara berterusan selaras dengan fokus perbelanjaan bagi terma peruntukan tahun kewangan bagi Negara Brunei Darussalam.

Dengan pelaburan yang telah dibuat oleh pihak kerajaan untuk mengendalikan program-program seumpama ini berserta usaha gigih para peserta, maka sudah tentunya menjadi tanggungjawab para peserta semua untuk membalas balik dengan curahan bakti melalui pemberian perkhidmatan terbaik di mana saja tempat mereka bertugas.

"Adalah rugi dan sia-sia jika ilmu pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang diperoleh

ini tidak diterjemahkan atau digunakan ke arah peningkatan sumbangan dan produktiviti dalam pekerjaan seharian dan kecemerlangan organisasi secara keseluruhannya," tegas Yang Berhormat.

Oleh itu tambahnya lagi, adalah menjadi harapan pihak kerajaan agar semua peserta akan dapat menerapkan pengetahuan dan pengalaman yang ditimba ke arah peningkatan prestasi dan strategi organisasi masing-masing dengan pendekatan Whole of Nation dalam sama-sama mencapai Wawasan Brunei 2035 dan jua selaras dengan hala tuju dan matlamat yang ditetapkan.



YANG Berhormat Menteri di JPM menyampaikan sijil kepada peserta kursus.

Program menggilap potensi kepimpinan pegawai kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 Februari. - Seramai 122 orang pegawai kerajaan telah berjaya mengikuti dan menamatkan Program-program Pembangunan Eksekutif yang dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Daripada jumlah tersebut, seramai 31 orang peserta menyertai Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO) Ke-27; 33 orang peserta menyertai Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMMO) Ke-27; 30 orang peserta menyertai EDPMMO Ke-28; dan 28 orang

peserta bagi Program Eksekutif Muda (YEP) Kohort 4.

Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil bagi Program-program tersebut diadakan di Dewan Bankuet, Jabatan Perdana Menteri. Hadir selaku Tetamu Kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil-sijil ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud.

Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr. Awang Norfarizal bin Othman dalam ucapan alu-aluannya menyatakan bahawa Program-program

Pembangunan Eksekutif Peringkat Kanan dan Pertengahan serta Program Eksekutif Muda ini antara lain bertujuan untuk menggilap potensi kepimpinan Pegawai-Pegawai Kerajaan bagi menyerlahkan lagi kualiti dan kebolehan Pegawai-Pegawai berkenaan dari aspek kepimpinan.

Sebagai langkah berterusan ke arah mendukung aspirasi negara, pelaksanaan program pembangunan kepimpinan sebegini ini jelasnya akan terus dijalankan dan dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa dengan mengambil kira kualiti pelaksanaan Program Flagship CSLP berkenaan.

Tambahnya, penilaian ke atas kesesuaian program-program ini juga akan sentiasa dibuat bagi mengenalpasti keperluan penambahbaikan selaras dengan perubahan agar keberkesannya nanti akan tetap unggul dan terjamin.

"Selain itu, Jabatan Perkhidmatan Awam juga akan berterusan memantau kemajuan individu Pegawai-Pegawai yang telah berjaya menamatkan program-program ini untuk memastikan kesinambungan dan tahap potensi dan prestasi mereka sentiasa berada di tahap yang selayaknya".

"Proses perkembangan kepimpinan mereka ini juga akan dijalankan secara berterusan setelah mereka kembali bertugas. Justeru, hasil usaha ini memerlukan kerjasama secara kolektif dan jitu daripada pelbagai pihak iaitu Kementerian dan Jabatan masing-masing," ujar beliau.

Program - program Pembangunan Eksekutif yang dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam ini merupakan Program Flagship Civil Service Leadership Pipeline (CSLP) di bawah Rangka Kerja Perkhidmatan Awam yang diwujudkan bagi mendukung hasrat Wawasan Brunei 2035 melalui Strategi Pembangunan Institusi.

Tujuan CSLP adalah untuk menyediakan Leadership Pool



UCAPAN alu-aluan daripada Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

dalam kalangan Pegawai-pegawai Bahagian II ke atas bagi membantu Perancangan Strategik Sumber Manusia dalam Perkhidmatan Awam.

EDPSGO dan EDPMMO Kali Ke-27 telah dikendalikan oleh Institut Kepimpinan dan Inovasi (ILIA), Universiti Brunei Darussalam (UBD). Sementara itu, EDPMMO Kali Ke-28 telah dikendalikan oleh Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan YEP pula dikendalikan dengan kerjasama Institut Perkhidmatan Awam (IPA).

Kandungan Program-program ini antara lain memuatkan mengenai pengajian isu dan dasar semasa, serta amalan terbaik dalam pengurusan dan pentadbiran perkhidmatan awam yang dipraktikkan secara global.

Selain itu, para peserta juga diberikan pendedahan secara praktikal melalui penempatan kerja, projek kemasyarakatan, lawatan sambil belajar serta sesi dialog bersama tokoh-tokoh pemimpin di Negara Brunei Darussalam.



ANTARA Pegawai-pegawai Kanan yang hadir pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil tersebut.

Kementerian Pembangunan anjur Majlis Doa Kesyukuran



YANG Berhormat Menteri Pembangunan (empat, kiri) hadir pada Majlis Doa Kesyukuran anjuran Kementerian Pembangunan. Majlis yang berlangsung di Surau Kementerian Pembangunan itu juga dihadiri oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Pembangunan (dua, kiri).

BERAKAS, Khamis, 27 Februari. - Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 dan menyemarakkan lagi

sambutan tersebut dengan pengisian yang bermanfaat buat kali keduanya, Kementerian Pembangunan telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran.

Majlis diadakan di Surau Kementerian Pembangunan yang turut dihadiri oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Haji Suhaimi bin Haji Gafar selaku Tetamu Kehormat.

Terdahulu telah diadakan Majlis Khatam Al-Quran yang dimulai dengan Bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dikepalai oleh Tetamu Kehormat Majlis yang diikuti dengan bacaan surah-surah lazim bermula dari Surah Adh-Dhuha.

Majlis diteruskan lagi dengan Bacaan Tahlil dan diakhiri dengan Bacaan Doa Kesyukuran yang dibacakan oleh Penolong Pegawai Projek Tingkat 1, Divisyen Penyelarasan Polisi dan Perancangan Strategik, Awang Mohammad Khairul bin Jackariah dan diakhiri dengan Dikir Marhaban.

Turut hadir pada majlis yang berkebabajikan ini ialah Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap serta para pegawai dan kakitangan Kementerian tersebut serta Jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis merupakan adalah salah satu acara yang bertujuan untuk menyuntik semangat dan menggalakan para warga Kementerian Pembangunan dan Jabatan-jabatan di bawahnya mengamalkan serta membudayakan amalan membaca Al-Quran dalam kehidupan mereka sehari-hari.

Bimbing dan pimpin belia untuk sentiasa menjaga akidah



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama berucap pada Konvensyen Kepimpinan Belia Islam (KKBI) bagi tahun 1441H / 2020M.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 28 Februari. - Konvensyen Kepimpinan Belia Islam (KKBI) bagi tahun 1441H / 2020M anjuran bersama Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Program Keagamaan Belia diadakan buat julung kalinya bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36.

Dengan bertemakan 'Belia Holistik Harapan Negara', ia dihasrat dapat membuka peluang untuk para belia membina kemahiran, menambah pengetahuan dan membangun sifat-sifat kepimpinan yang sejajar dengan Melayu Islam Beraja dan hasrat negara melalui Wawasan Brunei 2035.

Konvensyen yang diadakan selama dua hari itu bermula hari ini dirasmikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Terdahulu, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama dalam ucapannya menggariskan Negara Brunei Darussalam dalam menuju Wawasan Brunei 2035 perlu

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

menyahut gagasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi memastikan NBD menjadi sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan; berkemahiran dan berjaya; kehidupan yang berkualiti dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Justeru ke arah mencapai wawasan tersebut tambahnya, kita perlu bersatu setia kepada raja dan negara serta yakin pada nilai-nilai agama Islam, mengamalkan nilai-nilai mulia dan memiliki sifat terbaik-baik.

"Dalam hal ini, para belia perlulah memainkan peranan mereka dengan penuh aktif kerana para belia ini mempunyai banyak kelebihan iaitu kelebihan dari sudut tenaga, buah fikiran, kreativiti dan semangat yang tinggi untuk mencapai Wawasan Negara 2035 itu nanti," terangnya.

Menurutnya, begitulah kehebatan zaman belia, zaman yang produktif, membangun dan membina, di samping kita dapat melihat belia adalah prospek aset

yang bernilai bagi sesebuah negara, yang mana antara kelebihan yang ada pada belia itu sendiri dapat dimanfaatkan dengan diberi sokongan dan bimbingan serta tunjuk ajar sama ada berbentuk sokongan moral, material, bimbingan dan kursus-kursus motivasi demi untuk meningkatkan kemahiran dan keyakinan diri mereka.

"Pada masa yang sama, peranan mereka yang kaya dengan pengalaman amatlah diperlukan supaya acuan yang kita mahukan adalah betul-betul beridentitikan keBruneian," ujar beliau lagi.

Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama dalam ucapannya juga turut menggesa para ibu bapa, keluarga dan masyarakat untuk memainkan peranan penting mereka dalam membimbing dan memimpin golongan belia ini agar mereka sentiasa ingat untuk menjaga akidah mereka, akidah yang lurus dalam melaksanakan syariat selaras dengan ajaran Islam yang betul dan sentiasa berakhlak mulia.

Ke muka 20



ANTARA belia-belia yang hadir pada konvensyen tersebut.

Majlis Khatam Al-Quran KKBS sempena HK Ke-36



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (dua, kanan) semasa memulakan bacaan Surah Al-Fatihah pada Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 Februari. - Bagi menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) pagi tadi mengadakan Majlis Khatam sempena sambutan tersebut bertempat di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan turut mengepalai bacaan Surah Al-Fatihah bagi memulakan acara.

Majlis diteruskan dengan Bacaan Khatam Al-Quran dan Doa Takhtim yang dibacakan oleh Penyelidikan dan Penterjemah Khusus (Bahasa Arab) Pusat Sejarah Brunei, Dr. Haji Abdul Kadir bin Haji Mohammed, manakala Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Tenaga Pengajar Al-Quran, Jabatan Belia dan Sukan, Awang Haji Abd. Halim bin Mohd. Fuad.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; Setiausaha Tetap, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan dan Kesukanan), Kolonel (B) Pengiran Haji Muddid bin Pengiran Haji Said; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah serta warga KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis sambutan ini merupakan aktiviti tahunan KKBS dalam menggalakkan penglibatan warga kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya dalam aktiviti menyemai kecintaan kepada Al-Quran dan semangat kenegaraan sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

Di samping itu, ia juga diadakan bagi mengeratkan silaturahim dan semangat perpaduan dalam kalangan warga KKBS dalam mengukuhkan dan menjayakan setiap acara yang telah dijadualkan sepanjang tahun.

Belia tunggak produktiviti MPK



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berucap semasa Konvensyen Belia Majlis Perundingan Kampung (MPK) 2020 Daerah Tutong.

TUTONG, Rabu, 26 Februari. - Pindaan syarat umur dalam Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung ialah dari 45 ke 55 tahun bagi pemegang jawatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung diturunkan kepada 30 tahun merupakan salah satu bukti kepercayaan dan pengiktirafan pihak kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada kewibawaan para belia untuk menerajui kepimpinan akar umbi sebagai Ketua Kampung dan Penghulu Mukim.

Perkara itu dijelaskan oleh

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa Konvensyen Belia Majlis Perundingan Kampung (MPK) 2020 Daerah Tutong yang diadakan di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong, di sini.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat berharap kepada para belia akan dapat menjadikan penglibatan aktif mereka dalam MPK sebagai asas untuk mengasah dan melengkapkan diri masing-masing dengan pengetahuan, kemahiran dan

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

pengalaman kepimpinan yang akan dapat digunakan dalam memikul peranan sebagai Pemimpin Kampung.

Di samping itu jelasnya, konvensyen ini diharap akan memberikan motivasi dan semangat kepada para belia untuk bergiat aktif dalam meningkatkan kuantiti, kualiti dan produktiviti MPK masing-masing.

"Konvensyen juga menyediakan platform bagi persatuan bukan kerajaan dan keusahawanan sosial

untuk berkongsi projek, aktiviti dan pengalaman masing-masing melalui pameran," ujarnya. "Dalam merancang kegiatan-kegiatan nanti para belia disyorkan untuk meneliti rancangan-rancangan itu dengan kreatif dan inovatif.

Dalam bidang kegiatan ekonomi umpamanya, usaha tidak sahaja menjurus kepada menghasilkan produk seperti makanan dari sumber-sumber yang ada", jelas Yang Berhormat.

Platform terbaik memperkasa keupayaan belia

TUTONG, Rabu, 26 Februari. - Konvensyen Belia Majlis Perundingan Kampung (MPK) 2020 Daerah Tutong merupakan platform untuk membarigakan kepada para belia akan peluang-peluang yang ada di dalam MPK untuk diterokai oleh golongan belia sebagai bakal pemimpin akar umbi. Konvensyen tersebut diadakan di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong, di sini.

Konvensyen Belia MPK 2020 Daerah Tutong dianjurkan bersama oleh Jabatan Daerah Tutong, Badan Kemajuan dan Kreatif Daerah Tutong dan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Daerah Tutong bersempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 bertepatan 'Pemimpin Belia MPK Di Masa Depan'.

Seramai 81 belia dan beliawanis

Daerah Tutong yang terdiri daripada belia-belia yang telah dilantik selaku ahli MPK dan belia-belia mewakili kampung-kampung di Daerah Tutong.

Antara pengisian konvensyen ialah taklimat mengenai dengan sejarah penubuhan, fungsi dan peranan Majlis Perundingan Kampung, Satu Kampung Satu Produk (1K1P) yang disampaikan oleh pegawai-pegawai daripada agensi-agensi kerajaan termasuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jabatan Daerah Tutong serta pengusaha-pengusaha IKIP dalam kalangan Belia.

Taklimat juga menjurus kepada perkongsian maklumat dan pengalaman daripada MPK yang terpilih di dalam kepimpinan, pelancongan yang berasaskan komuniti dan aktiviti-aktiviti tahunan yang diraih oleh para belia-belia.

Manakala sesi petang dimuatkan

dengan Forum Khas Konvensyen Belia MPK Daerah Tutong dan diakhiri dengan pembentangan serta penyerahan resolusi daripada ketua-ketua kumpulan konvensyen.

Hadir selaku Tetamu Kehormat pada sesi petang dan majlis penutup konvensyen ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Pegawai Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd Hussain selaku Pengerusi Bersama Konvensyen berkenaan berkata, "Tujuan konvensyen ini diadakan untuk melahirkan pemimpin-pemimpin dalam kalangan belia yang berdedikasi dan berkaliber bagi menerajui kepimpinan MPK dengan corak pemikiran generasi muda yang lebih kreatif dan relevan."

Hadir sama pada sesi sebelah



ANTARA peserta Konvensyen Belia Majlis Perundingan Kampung (MPK) 2020 Daerah Tutong yang hadir pada majlis tersebut.

petang ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, Penghulu dan Pemangku Penghulu-penghulu Mukim,

Ketua-ketua Kampung dan Pemangku Ketua-ketua Kampung Daerah Tutong.

Dalam pada itu, orang ramai yang berhasrat untuk memuat turun bahan-bahan penyampaian di dalam konvensyen ini bolehlah melayari laman sesawang : tutong.click.

HafI Al-Takharruj raikan 281 pelajar SMALHB



YANG Berhormat Mufti Kerajaan (kiri) menyampaikan hadiah kecemerlangan kepada salah seorang pelajar pada Majlis HafI Al-Takharruj Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB) Sesi Akademik 2018M - 2019M.

BERAKAS, Rabu, 26 Februari. - Majlis HafI Al-Takharruj merupakan majlis penghargaan bagi pelajar-pelajar yang telah lulus dalam peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Agama dan BC GCE 'A' Level.

Pada tahun ini seramai 281 pelajar menerima sijil penghargaan pada majlis yang diadakan di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Seramai 240 pelajar menerima Sijil Tinggi Pelajaran Agama Brunei (STPUB), dan daripada jumlah tersebut seramai 106 orang ialah pelajar yang mencapai Mumtaz (Cemerlang) dalam peperiksaan tersebut.

Seramai 65 pelajar menerima Sijil BC GCE 'A' Level, (Umum 1 seramai 41 orang dan Umum 2 seramai 24 orang) bagi penuntut Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah

(SMALHB) Sesi Akademik 2018M - 2019M.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis, Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned yang seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada pelajar-pelajar yang diraikan.

Turut sama hadir, Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Agama, Awang Haji Mohd Serudin bin Haji Timbang; dan Pegawai-pegawai Kanan dari Kementerian Hal Ehwal Agama dan Jabatan Mufti Kerajaan.

Majlis Penyampaian Sijil diadakan sebagai satu usaha untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada pelajar kerana telah berjaya dalam bidang akademik dan telah mengharumkan nama sekolah dalam bidang kokurikulum sama ada dalam sekolah mahupun peringkat kebangsaan dan antarabangsa; dan memotivasikan pelajar-pelajar yang masih menuntut di SMALHB supaya mereka akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan.

Majlis dimulakan dengan Lagu

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan Lagu Rasmi Sekolah; bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran, diikuti seterusnya dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengetua SMALHB, Ustazah Hajah Dayang Mariana binti Haji Jamil dan ucapan daripada tetamu kehormat majlis.

Persembahan Deklamasi Sajak dan seterusnya penyampaian sijil dan hadiah pelajar terbaik Peperiksaan STPUB; Peperiksaan BC GCE 'A' Level, hadiah Anugerah Khas dan hadiah Pelajar Mithali. Majlis diakhiri dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Doa Selamat.



PARA pelajar SMALHB Sesi Akademik 2018M - 2019M yang diraikan pada Majlis HafI Al-Takharruj.

Sumbangan 49 pesara dihargai

Oleh : Hajah Siti Zuraiha Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 Februari. - Sumbangan dan bakti yang telah dicurahkan oleh seramai 49 orang pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-jabatan yang telah bersara pada tahun 2019 tidak dilupakan dan terus dihargai.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Cenderamata Persaraan kepada para pegawai

dan kakitangan tersebut telah berlangsung di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive.

Hadir selaku Tetamu Kehormat dan menyempurnakan penyampaian cenderamata ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji

Mohd Amin Liew bin Abdullah, Setiausaha Tetap (Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Pengiran Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani yang juga selaku menjalankan tugas Setiausaha Tetap (Prestasi dan Korporat) dalam ucapannya pada majlis tersebut menyatakan majlis yang diadakan setiap tahun ini diadakan sebagai tanda penghargaan kementerian ini terhadap sumbangan, jasa dan khidmat bakti para pesara terhadap kemajuan dan kejayaan yang telah dicapai oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi khususnya dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amnya. Jelasnya, kecil atau besar sumbangan para pesara bukan menjadi ukuran tetapi nilai keikhlasan budi dan juga jasa adalah diutamakan.

Bersara daripada perkhidmatan ujar beliau bukanlah bermakna seseorang itu tidak lagi dapat memberi sumbangan terhadap kemajuan negara. Sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam, kita tetap mempunyai tanggungjawab untuk sama-sama berganding bahu ke arah pembangunan dan kemajuan negara demi mengekalkan kesejahteraan,

ANTARA pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan yang telah bersara pada tahun 2019.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menyampaikan cenderamata kepada salah seorang pegawai yang bersara.

keamanan dan kemakmuran yang dinikmati pada masa ini.

Beliau seterusnya berharap kepada para pesara, masa yang terluang dalam alam persaraan ini dapat digunakan ke arah perkara-perkara yang bermanfaat seperti meningkatkan amal ibadat, meluangkan masa bersama keluarga dan melibatkan diri dalam aktiviti berkebajikan yang boleh menjurus kepada meningkatkan kemakmuran negara.

Juga hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, Timbalan Menteri

Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Setiausaha Setiausaha Tetap dan Ketua-Ketua Jabatan serta Bahagian di Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Selain untuk memberi penghargaan dan untuk mengenang jasa dan bakti yang telah dicurahkan, majlis tersebut juga bertujuan bagi mengekalkan silaturahmi dan hubungan kekeluargaan antara pegawai dan kakitangan yang telah bersara dan masih berkhidmat di Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya.



DST memperkenalkan InnoLab untuk semua

Siaran Akhbar dan Foto : Datastream Digital Sdn. Bhd.

TUNGKU LINK, Khamis, 27 Februari. - Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST) hari ini melancarkan Makmal Inovasinya sendiri iaitu InnoLab sebagai sumbangan kepada masyarakat untuk memupuk lebih banyak individu yang inovatif dan produktif.

Para belia, ahli perniagaan bahkan agensi kerajaan akan mempunyai akses kepada InnoLab untuk memupuk kreativiti mereka dan meletakkannya sebagai amalan.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Pegawai Eksekutif DST, Radin Sufri Radin Basiuni.

Diikuti dengan pelancaran InnoLab yang disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.

DST percaya bahawa inovasi bukan hanya tentang penggunaan teknologi tetapi ia adalah transformasi pengetahuan individu untuk mewujudkan produk atau perkhidmatan baru yang boleh berguna untuk masyarakat.

Dengan pemikiran dan

pendekatan yang betul, DST percaya bahawa impian seseorang dapat direalisasikan.

DST memperkenalkan Innovate @ Program yang khusus untuk pelajar, perniagaan dan agensi kerajaan iaitu Innovate @ Uni : Catalyst iaitu program DST bersama dengan Rakan Akademiknya, Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Rakan Usahawan Keusahawanan mereka, Darussalam Enterprise (DARE) menyediakan peluang kepada pelajar untuk terdedah kepada bidang keusahawanan.

The InnoLab akan menyediakan platform bagi para pelajar untuk menghasilkan ciptaan mereka sendiri untuk membangunkan produk dan perkhidmatan baharu dan inovatif.

Sementara Innovate @ Biz : Innovate atau Get Left Behind ialah sebuah program yang akan memperkenalkan perniagaan dan kerajaan kepada asas-asas inovasi dengan meningkatkan kesedaran mengenai keperluan inovasi, dan mengenal pasti strategi yang berkesan untuk mencipta, memupuk dan meningkatkan budaya inovasi yang akan mendorong pertumbuhan.

Manakala Innovate @ Biz :

Market Access pula akan menyediakan perniagaan dengan program *go-to-market* yang terdiri daripada pendidikan, kepakaran dan saluran pengedaran. Program tersebut akan memberi sokongan kepada perniagaan untuk mencapai pasaran tempatan dan antarabangsa dan juga merangsang pertumbuhan.

Innovate @ Biz : Industry 4.0 pula direka untuk menyokong kerajaan dan perniagaan untuk memahami aspek strategik, komersial dan teknikal teknologi baru, kesan yang berpotensi terhadap 'Perniagaan Seperti Biasa' dan juga kemapanan syarikat.

Innovate @ Gov : Innovate With Government pula ialah sebuah program untuk agensi-agensi kerajaan untuk menggunakan metodologi dan kerangka inovatif yang dapat membantu mereka dalam mengenal pasti kunci masalah dan isu-isu yang paling mungkin mereka hadapi dan mereka juga akan dapat membina bersama dan menubuhkan penyelesaian inovatif.

Sebelum ini, DST telah bekerjasama dengan Google Developers Group pada November 2019 untuk menjadi tuan rumah DevFest Brunei yang diadakan di Ibu Pejabat DST.

Pemaju di seluruh negara telah berkumpul untuk membantu



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa mendengarkan penerangan ringkas semasa pelancaran tersebut.

mewujudkan transformasi digital negara dengan meningkatkan modal insan dan kemahiran mereka. DST juga telah mengambil bahagian dalam UTB Technopreneurship Student PitchFest pada bulan yang sama.

Dengan pelancaran InnoLab, DST akan menangani dua bidang utama; Inovasi dalam Teknologi Digital, dan Pembangunan Tenaga Manusia dan Bakat.

InnoLab akan memulakan perjalanan dan peluang yang hebat

dalam mewujudkan dan memupuk Inovasi dalam pelbagai bentuk. DST percaya ini akan membantu dalam mewujudkan peluang dan penyelesaian baharu untuk akhirnya memberi inspirasi kepada masyarakat di Brunei terhadap visi Pelan Induk Ekonomi Digital 2025.

Untuk maklumat lanjut mengenai InnoLab, hubungi Naib Presiden Perniagaan Digital di DST, Freddie Ting di freddie.ting@dst.com.bn.

Platform pengembangan dan peningkatan prestasi

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

TUNGKU LINK, Rabu, 26 Februari. - Konvensyen Pemimpin Sekolah 2020 berperanan penting sebagai platform bagi pemimpin-pemimpin sekolah di seluruh negara mengenai keperluan dan harapan dalam mendukung Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2018-2022, Wawasan Brunei 2035 sekali gus menyelaraskan piawai kecekapan global.

Konvensyen ini merupakan kali kedua yang diadakan oleh Kementerian Pendidikan dan dianjurkan dengan kerjasama



Jabatan Pengurusan Pendidikan dan Jabatan Sekolah-Sekolah.

Konvensyen ini turut memberikan peluang kepada guru-guru khususnya di beberapa buah sekolah yang terlibat akan kepentingan ke arah pembangunan budaya yang dipandu oleh prestasi bagi pengembangan dan kejayaan prestasi keseluruhan di sekolah-sekolah.

Dengan membawa tema, Quality Leaders, Quality Education, ia akan digunakan secara berturut-turut selama lima tahun bermula tahun 2019 hingga 2023 khususnya dalam Konvensyen Pemimpin Sekolah sebagaimana yang dipersetujui oleh Ahli Jawatankuasa untuk tahun 2019.

Walau bagaimanapun, setiap tahun konvensyen ini akan menumpukan kepada beberapa sub-tema khusus sebagaimana

SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan semasa berucap pada konvensyen tersebut.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan (empat, kanan) dan Yang Mulia Timbalan Menteri Pendidikan (tiga, kanan) semasa menghadiri Konvensyen Pemimpin Sekolah 2020.

yang dinyatakan dalam beberapa perspektif kritikal terhadap tema utama.

Antara perspektifnya adalah yang pertama iaitu berkongsi dapatan program bagi Penilaian Pelajar Antarabangsa (PISA) sebagai salah satu cara bagi pemimpin sekolah untuk

menguatkan prestasi sekolah. Seterusnya, untuk memperjuangkan rangka kerja sokongan pembelajaran yang akan dilaksanakan di sekolah dengan lebih berkesan oleh pemimpin-pemimpin sekolah. Kemudian, untuk sosialisasi rangka kerja kepimpinan sekolah

dan Latihan Pembangunan yang Profesional (PD).

Akhir sekali, mengiktiraf kecekapan sekolah dalam penilaian secara menyeluruh (WSE) dan peperiksaan awam seperti PSR, 'O' Level dan 'A' Level mengikut kriteria dan kategori yang telah ditetapkan.

Pentingnya institusi keluarga yang kukuh

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 Februari. - Dalam usaha mencapai Wawasan Brunei 2035 ke arah sebuah negara yang dikenali di seluruh dunia yang memiliki rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi, kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi dan ekonomi yang dinamik serta berdaya tahan, semua pihak adalah berperanan dalam mendukung wawasan tersebut termasuklah institusi keluarga.

Ini kerana institusi keluarga yang kukuh dapat membina masyarakat yang saling bersatu dan bekerjasama serta dapat membina sebuah negara yang aman, kuat dan maju.

Sehubungan itu, Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Jame' 'Asr Hassanil Bolkia, Kampung Kiarong telah mengadakan Forum Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 1441H / 2020M 'Keluarga Aman, Negara Mapan'. Forum tersebut berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkia, Kampung Kiarong, di sini.

Buat-buat julung kalinya, forum yang diadakan ini bukan hanya menjemput para Muslimah tetapi juga turut dihadiri bersama suami, kerana tajuk utama forum yang

diadakan akan melibatkan tanggungjawab kedua belah pihak iaitu peranan mereka sebagai suami-isteri dan sebagai ibu-ayah dalam membina keluarga yang aman serta bahagia kerana kekuatan dalam kehidupan berkeluarga dapat menyumbang ke arah keamanan dan kemajuan negara.

Hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari. Antara tujuan acara ini diadakan adalah untuk memahami peranan mereka khususnya para peserta dalam mendukung Wawasan Brunei 2035.

Melalui forum ini, ia juga dihasrat dapat memberi kesedaran dan pengetahuan kepada mereka untuk membina keluarga yang kukuh dan mantap. Selain itu, dapat menyuntik motivasi agar para peserta terus gigih mengilap dan menandai peranan mereka untuk memajukan negara serta terus menjadi rakyat yang berbakti dan cinta kepada negara.

Pemudah cara pada forum tersebut ialah Awang Haji Jaya bin Haji Metussin dari Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), manakala Ahli-ahli forum terdiri daripada Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Awang Haji Azman bin Haji Musa dan Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dayang Dr. Widad binti Abdul Aziz.

Semoga dengan adanya program seumpama ini akan dapat memberi manfaat kepada para muslimah dan mengukuhkan hubungan kekeluargaan dengan ikatan kasih sayang dan



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa (empat, kanan) hadir pada Forum sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36.

tanggungjawab berlandaskan ajaran-ajaran Islam.

Demikian keharmonian dalam kehidupan berkeluarga dapat dinikmati bersama anak-anak dan

cucu-cicit dan membimbing mereka agar terselamat daripada anasir atau pengaruh yang negatif seperti masalah sosial yang melanda pada masa kini.



PARA ahli panel pada Forum sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 1441H / 2020M 'Keluarga Aman, Negara Mapan'



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 16/02/20 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN : 29 FEBRUARI 2020

TARIKH TUTUP : 14 MAC 2020

1. **PENOLONG PENGELOLA BAITUL MAL TINGKAT I C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III)**
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
KEKOSONGAN = SATU (01)
2020/008/03

2. **PENGAWAS TINGKAT KHAS C.2 EB.3 (BAHAGIAN III)**
JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
KEKOSONGAN = SATU (01)
2020/008/04

PERATURAN 38(A)

BILANGAN IKLAN 16/2020 (SPA/BIKL)

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN : 29 FEBRUARI 2020

TARIKH TUTUP : 14 MAC 2020

1. **PEMBANTU TEKNIK KANAN C.2 EB.3 (BAHAGIAN III)**
JABATAN PERDANA MENTERI
KEKOSONGAN = SATU (01)
2020/008/01

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan Quicklinks dan FAQ's di www.recruitment.gov.bn

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting*, hal ehwal ujian dan temuduga hendaklah

menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel query@spa.gov.bn



JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI



Tajuk Sebut Harga 1 :
REPAIR SCHINDLER LIFT NO.4,
AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT
AME / 2020-2021 / SH - 13
(Kelas V)

Tajuk Sebut Harga 2 :
THREE (3) MONTH TERM CONTRACT
FOR MAINTENANCE OF AIRFIELD
LIGHTING AT BRUNEI
INTERNATIONAL AIRPORT
AME / 2020-2021 / SH - 15
(Kelas V dan VI)

Tajuk Sebut Harga 3 :
WILDFIRE ISSUES AT BRUNEI
INTERNATIONAL AIRPORT
FOR THREE (3) MONTH
AME / 2019-2020 / SH - 106 / R
(Kelas I dan II)

Tajuk Sebut Harga 4 :
KERJA-KERJA MERATAKAN TANAH
DI KAWASAN AIRSIDE THRESHOLD 03,
LAPANGAN TERBANG
ANTARABANGSA BRUNEI
AME / 2019-2020 / SH - 118 / R
(Kelas III dan IV)

Tarikh tutup sebut harga :
Rabu, 4 Mac 2020
(hingga jam 2.00 Petang)



JABATAN UKUR
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

BILANGAN TAWARAN :
JUA / 15 / 2019

AERIAL PHOTOGRAPHY,
AIRBORNE LIDAR
ACQUISITION AND GEOSPATIAL
MAPPING PROJECT OF BRUNEI
DARUSSALAM

YURAN TAWARAN :
BND500.00

TARIKH TUTUP :
SELASA, 3 MAC 2020



JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN



DI NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
KELAS II, III & IV
KATEGORI KPB12

Tarikh tutup pada :
24 Mac 2020, Selasa
sebelum jam 2.00 Petang.

JASTRE / BL / T002 / 2020
KERJA-KERJA PEMELIHARAAN DAN
PENYELENGARAAN
LUARAN BAGI ISTANA
DARUL AMAN MUARA,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN

NO. PROJEK :
JASTRE / BL / T002 / 2020

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG

JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)

JASTRE / BL / T003 / 2020
KERJA-KERJA PEMELIHARAAN DAN
PENYELENGARAAN LUARAN
BAGI ISTANA DARUT TAQWA DAN
ASSIADAH, JERUDONG, NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM UNTUK
TEMPOH DUA (2) TAHUN

NO. PROJEK :
JASTRE / BL / T003 / 2020

JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)

JASTRE / BL / T005 / 2020
KERJA-KERJA PEMELIHARAAN DAN
PENYELENGARAAN
LUARAN BAGI PERUMAHAN
KIARONG, NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM UNTUK TEMPOH
DUA (2) TAHUN

NO. PROJEK :
JASTRE / BL / T005 / 2020

JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)



PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

BILANGAN SEBUT HARGA :
001 / HQ / 2020 - M (LELONG)

KETERANGAN HARTA BENDA :
SHAPING MACHINE ELLOT'S
SERIES 185 SERIAL NO. 409
JUMLAH : 1
HARGA INDIKASI : BND300.00

OVEN-BAKING WINDINGS
415V 3 PHASE
JUMLAH : 1
HARGA INDIKASI : BND200.00

BATTERY CHARGER - ABSAAR 12 / 24
VOLT-30 AMP WITH 250 AMPERE
STARTER BOOST
JUMLAH : 1
HARGA INDIKASI : BND10.00

RON 97 DISPENSING PUMP
TATSUNO
SERIAL NO. : AA127775
MODEL : GDA111120JMBT000000
JUMLAH : 1
HARGA INDIKASI :
BND100.00

DIESEL DISPENSING PUMP-PERWIRA
SERIAL NO. : 00313
MODEL : DPC / R / 550)
JUMLAH : 1
HARGA INDIKASI : BND80.00

BILANGAN SEBUT HARGA :
002 / HQ / 2020 - M (LELONG)

KETERANGAN HARTA BENDA :
FILE CABINET
JUMLAH : 1
HARGA INDIKASI : BND10.00

BILANGAN SEBUT HARGA :
003 / HQ / 2020 - M (LELONG)

KETERANGAN HARTA BENDA :
MILLING MACHINE BRIDGE PORT
S/N. 1-55-0100
JUMLAH : 1
HARGA INDIKASI : BND500.00

BILANGAN SEBUT HARGA :
004 / HQ / 2020 - M (LELONG)

KETERANGAN HARTA BENDA :
LATHE MACHINE COLCHESTER 600
MASTIFF 1400 440V 3 PHASE
JUMLAH : 1
HARGA INDIKASI : BND500.00

BILANGAN SEBUT HARGA :
005 / HQ / 2020 - M (LELONG)

KETERANGAN HARTA BENDA :
CUMMINS ONAN MARINE
GENERATOR MDK SERIES
JUMLAH : 1
HARGA INDIKASI : BND500.00

BILANGAN SEBUT HARGA :
006 / HQ / 2020 - M (LELONG)

KETERANGAN HARTA BENDA :
SPARE ENGINE 4 STROKE
DIESEL MAN D2849LE
JUMLAH : 2
HARGA INDIKASI :
BND1,000.00 @ BND 500.00

Caj Borang : BND2.00

Perhatian Bagi Penender-penender :

1. BORANG tawaran bolehlah didapati di Unit Perbekalan Tingkat Bawah, Jabatan Pentadbiran Am dan Kewangan, Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei, semasa waktu bekerja sahaja.

2. Bayaran dokumen tawaran berharga BND2.00 (tidak dikembalikan). Pembayaran bolehlah dibuat di Kaunter Pembayaran Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Pentadbiran Am dan Kewangan,

Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei pada waktu bekerja iaitu Isnin hingga Khamis dari jam 8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi dan 2.00 Petang hingga 3.00 Petang dan Sabtu dari jam 8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi.

3. Tarikh terakhir mengambil borang pada hari Khamis, 12 Mac 2020.

4. Tarikh tutup menghantar borang pada Isnin, 16 Mac 2020, jam 10.00 Pagi dan tawaran yang lewat diterima tidak akan dilayan.

5. Borang sebut harga yang lengkap hendaklah dihantar ke Peti Sebut Harga di Tingkat Bawah Ibu Pejabat Polis Jalan Tungku. Tawaran-tawaran lelong mestilah menggunakan sampul surat yang lengkap dan tertutup dengan tulisan / bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti penender.

6. Tarikh melihat peralatan terpakai berkenaan ialah pada 10, 11 dan 12 Mac 2020 (waktu bekerja) jam 8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi dan 2.00 Petang hingga 3.00 Petang.



POLITEKNIK BRUNEI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Jawatankuasa Sebut Harga
Politeknik Brunei, Blok 2E
Kondominium Jalan Ong Sum Ping
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

TAWARAN (1)
BILANGAN SEBUT HARGA :
PB / EST / Q / 2019 - 2020 / 16

KETERANGAN :
KANTIN POLITEKNIK BRUNEI,
BLOK 2E, KONDOMINIUM ONG SUM
PING, BRUNEI DARUSSALAM
UNTUK TEMPOH SATU (1) TAHUN

BAYARAN YURAN /
DOKUMEN TAWARAN :
BND5.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

TAWARAN (2)
BILANGAN SEBUT HARGA :
PB / EST / Q / 2019 - 2020 / 17

KETERANGAN :
KANTIN POLITEKNIK BRUNEI,
SEKOLAH SAINS DAN
KEJURUTERAAN, KAMPUS LUMUT,

DAERAH BELAIT,
BRUNEI DARUSSALAM
UNTUK TEMPOH SATU (1) TAHUN
BAYARAN YURAN /
DOKUMEN TAWARAN :
BND 5.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

TARIKH TUTUP DAN WAKTU:
Selasa, 3 Mac 2020
(tidak lewat jam 2.00 Petang)



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS : VI SAHAJA
KATEGORI :
[B01, KA01, M01, M03, E01 &
E02 SAHAJA] - (KOD BAHARU)

TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :
10 MAC 2019 (SELASA)
BILANGAN :
JKR / DOD / 1 / 2020

NAMA PROJEK :
PEMBINAAN DAN MENAIK TARAF
SEKOLAH MENENGAH SULTAN
HASSAN BANGAR
(PREQUALIFICATION
QUESTIONNAIRE
DOCUMENT)

YURAN TAWARAN :
BND100.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS : IV & V SAHAJA
KATEGORI :
KA01 SAHAJA - (KOD BAHARU)

Tarikh Tutup :
Selasa, 24 Mac 2020
tidak lewat jam 2.00 Petang

BILANGAN :
JKR / DBSKB 003 / 2020

Nama Projek :
KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH
PENGHUBUNG JALAN
DI KG. PANDAN 'A'
DI DAERAH BELAIT
No. Projek : 2020ADKB/
B00411/002-001-001



YURAN TAWARAN :
BND100.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)



KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN NO. :
JPPK / LTK / 06 / 2020

REMEDIAL WORKS TO SLOPE
EROSION TO WATER TANK AREA
AT BANGAR CAMP

BAYARAN TAWARAN :
BND10.00 (tidak dikembalikan)

KELAS : III & KE ATAS

KATEGORI : KA 01, B01 atau KPB01

TEMPOH PENYIAPAN :
TIGA (3) BULAN

TARIKH TUTUP :
Selasa,
3 Mac 2020,



tidak lewat
jam 2.00 Petang,



**POLITEKNIK BRUNEI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

POLITEKNIK BRUNEI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN menjemput Warganegara Brunei Darussalam yang berkelayakan untuk memohon jawatan kosong berikut :

**PEGAWAI PELAJARAN G13
Bergaji Hari (BAHAGIAN II)
[17 Kekosongan]**

Kelayakan :

- Mestilah Warganegara (Kad Pintar berwarna KUNING sahaja) Negara Brunei Darussalam.

- Pegawai Pelajaran G13 Bergaji Hari yang diperlukan serta program yang akan diajarkan dan bidang pengkhususan Kelulusan.

Programme / Module

1. Architecture / Interior Design
Qualification (Bachelor / Master) and Specialization Area
- BA (Hons) Architecture / BSc (Hons) Architecture
- BSc (Hons) Architectural Design and Technology
- MArch (Hons) Architecture (PART II)
- Postgraduate Diploma / MA (Hons) Architecture (PART III)
- Chartered RIBA / Chartered CIAT Certified / Registered Chartered Architect (BAPEQS) with 2 Years in experience in relevant fields.
- Interior Design
- Interior Architecture
- Architecture
- Product Design
- Design
2. Petroleum Engineering
Qualification (Bachelor / Master) and Specialization Area
- Petroleum Engineering
- Drilling and Well Engineering
- Petroleum Production Engineering
- Petroleum Geoscience
3. Mechanical Engineering

Qualification (Bachelor / Master) and Specialization Area

- Mechanical Engineering

4. Food Science and Technology
Qualification (Bachelor / Master) and Specialization Area
- Food Safety
- Food Technology
- Food Packaging and Design
- Culinary Arts and Food Science
- Food Science Technology
5. Information Science
Qualification (Bachelor / Master) and Specialization Area
- Cataloguing Principles
- Librarianship
- Digital Library Management
- Library Informatics
- Library Administration and Management
- Information Retrieval
- Information Science
- Information Literacy
- Computer Informatics
- Data Analytics
- Data Management
- Database Management
- Archiving
6. IT Network
Qualification (Bachelor / Master) and Specialization Area
- Cloud Computing
- Network Security
- Cyber Security
- Network Programming
- Database Management
- Digital Forensics
- Information Security
- Network Fundamentals
- Computer Systems Architecture
- Object-Oriented Programming
- Advanced Programming
- Web Programming
7. Accounting & Finance

Qualification (Bachelor / Master) and Specialization Area

- Accounting and Finance or related areas.
8. Marketing & Management
Qualification (Bachelor / Master) and Specialization Area
- Marketing or related areas.
 9. Entrepreneurship & Management
Qualification (Bachelor / Master) and Specialization Area
- Entrepreneurship
- Business Administration or related areas.
 10. Pengajian Melayu Islam Beraja
Qualification (Bachelor / Master) and Specialization Area
- Pengajian Brunei, atau Kesusasteraan Melayu atau Bahasa Melayu
 11. Mathematics
Qualification (Bachelor / Master) and Specialization Area
- Bachelor and / or Master degrees in Mathematics; Mathematics Education; Technical / Engineering Mathematics.
 12. Communication Skills
Qualification (Bachelor / Master) and Specialization Area
- Bachelor and / or Master Degrees in English Language; TESL; Language and testing, course design; communication and media; communication and technology.
 13. Paramedic / Nursing
Qualification (Bachelor / Master) and Specialization Area
- Bachelor in Paramedic, Nursing / Health related
- * Mempunyai kelulusan-kelulusan berikut

adalah merupakan satu kelebihan :
- Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Kedua Atas (Upper Second Class)
- Ijazah Sarjana (Master by Coursework OR Research)
- Mempunyai kelulusan profesional seperti Master of Teaching / Diploma in Education

* Pengalaman / pendedahan dari segi praktikal dan teori di bidang-bidang yang diperlukan adalah satu kelebihan.

* Mestilah kompeten dan fasih dalam menulis dan bertutur dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu.

Cara untuk memohon :

Hendaklah mengisi dengan lengkap borang permohonan (SPA 1) dengan menyertakan bersama salinan-salinan sijil kelahiran, Kad Pintar, sijil akademik dan lain-lain dokumen yang berkaitan dan 2 keping gambar terkini berukuran passport.

Borang permohonan bolehlah dimuat turun dari laman sesawang Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di www.spa.gov.bn (Iklan Jawatan Kosong). Permohonan mestilah sampai ke alamat berikut **tidak lewat jam 4.00 Petang, 18 Mac 2020 :**

**LEVEL 2
ONE STOP CENTER
POLITEKNIK BRUNEI, BLOCK 2E
KONDOMINIUM ONG SUM PING
BANDAR SERI BEGAWAN, BA1311
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Penyerahan borang permohonan yang kurang lengkap tidak akan dilayan dan hanya calon-calon yang disenarai pendek akan dihubungi (dalam jangka masa 2 minggu) untuk menghadiri sesi temu duga.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DI DALAM
KELAS : V & VI SAHAJA
KATEGORI : [KA01]**

**TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :
10 MAC 2020 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI JAM 2.00 PETANG**

**BILANGAN :
JKR / DOR / SRC 26 / 2019**

**NAMA PROJEK :
PELEBARAN JALAN TUTONG
BERMULA DARI PERSIMPANGAN
JALAN JERUDONG MENUJU
PERSIMPANGAN LUGU**



**YURAN TAWARAN :
BND500.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**



**LEMBAGA BANDARAN TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**KEKOSONGAN GERAI SELERA
TUTONG
JALAN MENTERI TAIB, TUTONG**

ADALAH dimaklumkan bahawa tawaran bagi mendapatkan ruang-ruang kosong Gerai Selera Tutong, Jalan Menteri Taib Tutong akan dibukakan kepada syarikat-syarikat francais dan syarikat persendirian mulai **18 Februari 2020** dan **tarikh tutup adalah pada 4 Mac 2020** yang mana dibukakan kepada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan penduduk tetap yang

bermastautin di Daerah Tutong. Jenis-jenis Jualan yang ditetapkan adalah seperti Minuman, Masakan Melayu Tempatan, Masakan ala China / Thailand, Masakan ala Arab / India, masakan segera (*fastfood*) / (*franchise*) dan masakan ala Jepun / Korea. Borang-borang permohonan dan keterangan lanjut mengenainya bolehlah diperoleh di Kaunter Unit Perlesenan, Jabatan Bandaran Tutong semasa waktu pejabat dan tarikh tutup penerimaan permohonan ialah pada **Rabu, 4 Mac 2020, jam 2.00 Petang** dan hendaklah dimasukkan di dalam Peti Tawaran Jabatan Bandaran Tutong.



**MAHKAMAH SYARIAH
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PERINTAH ACARA MAL
MAHKAMAH-MAHKAMAH
SYARIAH, 2005**

SAMAN GANTIAN

**DALAM MAHKAMAH RENDAH
SYARIAH
DI DAERAH BRUNEI DAN
MUARA DALAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SAMAN NO. :
BM / MRS / MAL-A / P012A / 064 /
01 - 2020**

DI ANTARA

**DAYANGKU HAJAH NORHAFIZAH
BINTI
PENGIRAN HAJI ZAINAL ABIDDIN
- Plaintiff (Pemohon)**

DAN

**MUHAMMAD DANISH HAIKAL BIN
ABDULLAH WEE @ WEE WEI MIN
- Defendan (Responden)**

**KEPADA :
MUHAMMAD DANISH HAIKAL BIN
ABDULLAH WEE @ WEE WEI MIN
NO. KAD PENGENALAN : 01-060269**

**(KUNING)
BERALAMAT : TIDAK DIKETAHUI**

KAMU adalah dengan ini disaman supaya hadir secara sendiri atau melalui Peguam Syarie kamu di hadapan **Mahkamah Rendah Syariah di Daerah Brunei dan Muara** pada **Khamis** pada **22 Syaban 1441H / 16 April 2020, jam 2.30 Petang** untuk menjawab tuntutan terhadap kamu oleh plaintif yang dinamakan di atas, bagi **Tuntutan Cerai Fasakh**.

Sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingkar hadir di mahkamah pada hari dan masa yang ditetapkan, mahkamah boleh meneruskan untuk mendengarkan dan memutuskan kes tanpa kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingin membela diri terhadap tuntutan tersebut, kamu hendaklah memfailkan di mahkamah ini dan menyampaikan kepada plaintif suatu pembelaan dalam borang yang ditetapkan sebelum tarikh yang disebut di atas atau hadir di mahkamah pada tarikh itu.

Bertarikh : 19 Rabiulakhir 1441H / 13 Februari 2020M.

**(METERAI)
Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Brunei dan Muara
Negara Brunei Darussalam.**



**JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**



**TAJUK :
PERMOHONAN CADANGAN
TAWARAN PENGURUSAN
DAN
PENGENDALIAN BAGI GERAI
RAMADAN 1441H/ 2020M**

**BILANGAN TAWARAN :
JBKBS / GR / TI / 2020 - (1)**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :
Sabtu,
21 Mac 2020,
jam : 10.00 Pagi.**

Hindari diri daripada hasad dengki

BERTAKWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala, ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Akhlak mulia merupakan kunci kepada segala kebaikan, malah ia adalah penting dalam membina dan membentuk kehidupan beragama, bermasyarakat dan bernegara. Oleh itu, akhlak yang terpuji hendaklah diterapkan dalam diri setiap individu pada setiap masa dan keadaan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah contoh teladan dan ikutan yang terbaik bagi seluruh umat manusia. Allah Subhanahu Wata'ala memuji akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan kehebatan akhlak Baginda itu tiada tandingannya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Qalam, Ayat 4 yang tafsirannya:

"Dan sesungguhnya engkau (Muhammad) benar-benar mempunyai akhlak yang sangat mulia."

Ayat Al-Quran ini menekankan tentang betapa luhur dan mulianya akhlak dan keperibadian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Oleh itu, sebagai umat Islam kita hendaklah sentiasa mengikuti dan mencontohi sifat-sifat dan akhlak Baginda. Antara akhlak Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang patut kita contohi ialah Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam tidak pernah bersifat dengki terhadap insan lain. Daripada Anas bin Malek Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

"Hendaklah kalian menjauhi sifat hasad dengki, kerana sesungguhnya ia memakan kebaikan, sebagaimana api memakan kayu kering". - Riwayat Al-Imam Abu Daud.

Hadis tersebut menjelaskan bahawa betapa besar bahayanya sifat hasad dengki itu sehingga seseorang yang mempunyai amal kebaikan akan hilang dan menjadi sia-sia kerana dihapuskan oleh sifat hasad dengki yang bersarang di dalam hati.

Imam Al-Ghazali Rahmatullah Ta'ala berkata, *"Hasad dengki itu ialah sebesar-besar kejahatan manusia yang dicela oleh syarak. Ketahuilah, hasad itu adalah haram dan engkau suka hilangnya nikmat daripada orang yang engkau dengki atau turun bala kepada orang itu."*

Sifat hasad itu mendatangkan kemurkaan Allah. Ia boleh membinasakan diri seseorang dan amalannya".

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengingatkan bahawa umatnya akan ditimpa penyakit-penyakit sebagaimana yang telah menimpa umat-umat yang terdahulu yang boleh menyebabkan dan menyuburkan perasaan dendam, permusuhan bahkan pertumpahan darah. Diriwayatkan oleh Imam Al-Hakim, daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu: *"Aku pernah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Aku ditimpa penyakit-penyakit yang pernah menimpa umat-umat dahulu. Sahabat bertanya: Apakah penyakit-penyakit umat-umat terdahulu itu? Baginda menjawab: Penyakit-penyakit itu adalah terlalu banyak berseronok, terlalu bermewah, menghimpunkan harta sebanyak mungkin, tipu menipu dalam usaha merebut harta benda dunia, saling memarahi, dengki mendengki sehingga menjadi zalim-menzalimi antara satu sama lain".*

Sesungguhnya agama kita melarang umatnya daripada bersifat dengki kerana sifat tersebut boleh memakan diri sendiri dan mendatangkan kesan yang buruk dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat mahupun bernegara. Pada lazimnya orang yang bersifat dengki jiwanya tidak akan tenteram, sentiasa bersikap runsing dan berasa resah gelisah, apatah lagi apabila melihat orang lain lebih maju, senang dan berjaya. Mereka menginginkan agar kesenangan atau nikmat orang itu hilang dan apabila orang itu jatuh tersungkur, maka ia akan berasa gembira. Daripada Wasilah bin Al-Asqaq, ia berkata bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

"Janganlah engkau menampakkan kegembiraan kerana musibah yang menimpa saudaramu. Kerana jika demikian, Allah akan merahmatinya dan malah memberimu musibah". - Riwayat Al-Imam At-Tarmizi.

Hasad dengki itu adalah antara penyakit hati yang lahir kerana terlalu cinta kepada dunia dan lupa akan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala. Perasaan hasad dengki tidak pernah mengenal pertalian darah atau keluarga, tidak mengenal sahabat dan rakan sekerja. Ini kerana hubungan keluarga yang rapat boleh menjadi renggang, sahabat yang akrab boleh menjadi musuh, rakan sekerja menjadi tidak sehaluan dan semua ini adalah disebabkan perasaan hasad dengki. Terdapat banyak sebab mengapa orang itu mempunyai perasaan hasad dengki,

antaranya: Permusuhan, dendam, berasa khawatir tujuan tertentu tidak tercapai dan sebagainya.

Dalam pada itu terdapat juga hadis yang memberi pengecualian dalam sifat hasad dengan ini dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari, daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud: *"Perasaan hasad dan dengki itu dilarang kecuali pada dua perkara: Dengki terhadap seseorang yang dikurniakan ilmu tentang Al-Quran dan dia membencinya sepanjang malam dan siang, serta dengki terhadap seseorang yang dikurniakan harta dan dia menginfakkannya ke jalan Allah Subhanahu Wata'ala sepanjang malam dan siang".*

Menghindarkan diri daripada sifat hasad dengan adalah sangat susah dan berat untuk dilaksanakan. Oleh itu, orang-orang yang berjaya menghindari sifat tersebut akan dimuliakan dan dikurniakan ganjaran syurga oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, daripada Anas bin Malek Radiallahuanhu: *"Seorang lelaki dari kalangan Ansar telah dijanjikan syurga oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Selepas mendengar cerita tersebut, seorang sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bernama Abdullah bin Amrur bin Al-As Radiallahuanhuma, mendekati lelaki Ansar dan memohon untuk menginap di rumahnya. Dia berhasrat untuk mengetahui apakah amalan yang menyebabkan lelaki Ansar itu tadi dijanjikan syurga oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Selepas tiga hari menginap di rumah lelaki tersebut, dia berasa pelik, kerana dia tidak pernah sekali melihat lelaki itu bangun untuk melakukan solat malam dan lain-lain amalan tambahan. Lalu dia bertanya kepada lelaki itu, apakah amalan yang menyebabkan engkau dijanjikan syurga oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam? Lelaki Ansar itu menjawab: "Tidak ada amalan yang lain kecuali seperti apa yang engkau lihat".*

Maka ketika aku berpaling ke belakang, lelaki Ansar itu memanggilku dan berkata: *"Tidak ada yang lain kecuali apa yang engkau lihat. Hanya saaatnya aku tidak menipu dan berdengki hati terhadap kaum Muslimin di atas kebaikan (nikmat) yang diberikan oleh Allah kepadanya".* Kemudian Abdullah berkata: *"Inilah yang telah mengangkat darjat dan inilah yang kami tidak sanggup lakukan".*



Sesungguhnya untuk mencegah dan mengubati sifat hasad dengki. Ia perlu kepada beberapa cara dan pandangan, antaranya:

Pertama: Kita hendaklah sentiasa mengawasi diri dan menyedari bahawa penyakit hasad dengki boleh merosakkan dan membinasakan diri sendiri.

Kedua: Kita hendaklah tahu mensyukuri nikmat yang telah dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Ketiga: Jika kita melihat orang lain memperolehi nikmat atau kelebihan, kita hendaklah mengakui bahawa mereka memperolehinya dengan hasil usaha dan kurnia Allah Subhanahu Wata'ala.

Keempat: Hendaklah kita rajin bekerja, berikhtiar untuk mencari rezeki dan kurnia Allah Subhanahu Wata'ala.

Kelima: Janganlah kita sentiasa membanding-bandingkan diri kita dengan orang yang lebih tinggi keadaan atau tarafnya daripada kita.

Keenam: Sentiasalah kita berdoa memohon perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala dari sifat hasad dengki.

Ketujuh: Jika kita masih juga mempunyai sifat hasad dengki dalam diri, maka kita hendaklah bertaubat, beristighfar dan memohon ampun daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh itu, saudara-saudara Islam yang dikasihi. Ingatlah dan hindarilah daripada perasaan hasad dengki yang dilarang dalam agama kita, jangan sampai bersarang di dalam hati. Ini kerana ia adalah antara sifat yang dibenci oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Akhirnya, sama-samalah kita berdoa semoga kita hidup dalam keadaan yang harmoni dan berkasih sayang, mudah-mudahan dengan yang demikian, ia akan melahirkan masyarakat yang harmoni dan bersatu-padu. Aamiin Ya Rabbal 'Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Falaq, Ayat 1 hingga 5 yang tafsirannya:

"Katakanlah (wahai Nabi Muhammad): Aku berlindung pada Tuhan yang menguasai Subuh. Daripada kejahatan makhluk-makhluk yang Dia ciptakan. Dan daripada kejahatan malam apabila telah gelap gelita. Dan daripada kejahatan tukang-tukang sihir yang menghembus-hembus pada simpulan-simpulan. Dan daripada kejahatan orang yang dengki apabila dia dengki".

'SESUNGGUHNYA agama kita melarang umatnya daripada bersifat dengki kerana sifat tersebut boleh memakan diri sendiri dan mendatangkan kesan yang buruk dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat mahupun bernegara. Pada lazimnya orang yang bersifat dengki jiwanya tidak akan tenteram, sentiasa bersikap runsing dan berasa resah gelisah, apatah lagi apabila melihat orang lain lebih maju, senang dan berjaya. Mereka menginginkan agar kesenangan atau nikmat orang itu hilang dan apabila orang itu jatuh tersungkur, maka ia akan berasa gembira.'

Pelajar cemerlang SUAMPRIPAHS diraikan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (kiri), menyampaikan hadiah penghargaan kepada penerima Anugerah Pelajar Mithali Hafut Takharruj Ke-3 SUAMPRIPAHS, Dayangku Noor Rabiatal Aqilah binti Pengiran Zainal Abidin.



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 Februari. - Seramai 274 orang pelajar Sanah 10 Fast Track dan Sanah 11 Sekolah Ugama Arab Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS), Kampung Katok diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran dan Hafut Takharruj Kali Ke-3 setelah

PENGETUA SUAMPRIPAHS, menyampaikan ucapan alu-aluan.

menduduki Peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) dan Brunei Cambridge GCE 'O' Level.

Majlis tersebut turut diadakan bagi memberikan penghargaan dan pengiktirafan pihak sekolah berkenaan kepada pelajar-pelajar yang mencapai keputusan yang cemerlang dari segi akademik dan kokurikulum.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil dan hadiah ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.

Acara dimulakan dengan Bacaan Surah Al-Fatihah dan Sayyidul Istighfar dipimpin oleh Tetamu Kehormat Majlis, diteruskan dengan bacaan doa sebelum membaca Al-Quran; Bacaan Surah-surah Lazim oleh peserta khatam; Bacaan Takhtim, Doa Khatam dan Dikir.

Majlis kemudian diteruskan lagi dengan acara graduasi para pelajar, diiringi dengan penyampaian hadiah kepada 16 orang penerima 100 peratus kehadiran; 17 orang Pelajar Terbaik dalam Peperiksaan SPUB; enam orang Pelajar Terbaik dalam GCE 'O' Level; seorang Pelajar Cemerlang Keseluruhan dalam Akademik dan seorang pelajar cemerlang dalam Kokurikulum.

Majlis juga menyaksikan penyampaian Anugerah Pelajar Mithali diberikan kepada Dayangku Noor Rabiatal Aqilah binti Pengiran Zainal Abidin yang dipilih dari kriteria

Berita dan Foto : Hernie Suliana binti Haji Othman

pencapaian akademik, penglibatan kokurikulum, latar belakang dan peribadi serta lantikan khusus yang digalas dengan baik.

Terdahulu, Pengetua SUAMPRIPAHS, Dayang Hajah Azizah binti Haji Mohamad selaku Pengerusi Majlis dalam ucapan alu-aluannya mengongsikan, pada kali ini buat pertama kalinya Majlis Khatam Al-Quran dan Hafut Takharruj digabungkan bagi

menjimatkan masa, tenaga serta kos serta memudahkan para ibu bapa untuk hadir meraikannya bersama.

Beliau juga berpesan khususnya kepada semua pelajar untuk meneruskan usaha yang tinggi kemudian menghargai ibu bapa dan guru serta membalas budi mereka dengan memberikan hadiah berupa kejayaan dan amalan baik yang berterusan.



SERAMAI 274 pelajar menamatkan pembelajaran di Sekolah Ugama Arab Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha selama empat tahun bagi fast track dan lima tahun bagi aliran Cemerlang dan Mumtaz diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran dan Hafut Takharruj Kali Ke-3.

Pilih Islam sebagai pegangan hidup

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

JERUDONG, Jumaat, 28 Februari. - Cahaya dan syiar agama Islam semakin bersinar dan berkembang luas khususnya dalam kalangan warga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Sehubungan itu, seorang Pegawai Pergigian dari Khidmat Pergigian, Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Kapten Dr. Syazirah binti Kuan telah memeluk agama Islam sebagai

agama baharu beliau.

Majlis pengislaman tersebut diadakan di kediaman ahli keluarganya bertempat di Jalan Selayun Jerudong, Kampung Sengkurong 'B', di sini.

Hadir selaku Tetamu Kehormat, Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud.

Turut hadir ialah Pemerintah-pemerintah Angkatan

Tentera; Pegawai Daerah Brunei dan Muara; Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI); Pegawai-pegawai ABDB dan PDI serta ahli keluarga.

Majlis dimulakan dengan Bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan Bacaan Surah Al-Mu'minun, Ayat 1 hingga 11 oleh Soldadu Mohd. Afiq Fakhruddin bin Haji Mohd. Hazwin, disusuli dengan lafaz syahadah oleh Kapten Dr. Syazirah binti Kuan yang dipimpin oleh pegawai dari PDI.

Laungan Dikir Marhaban, taburan bunga rampai serta penyampaian cenderahati disempurnakan oleh Tetamu Kehormat Majlis serta para jemputan yang hadir bagi memeriehkan lagi acara yang berkebakikan tersebut.

Semasa ditemui Pelita Brunei, Kapten Dr. Syazirah berkata telah mula mengenali agama Islam semasa beliau di sekolah menengah dan seterusnya mengenali Islam dengan lebih dalam lagi apabila melanjutkan pengajian ke universiti.

Jelasnya, kawan-kawan yang



KAPTEN Dr. Syazirah semasa melafazkan syahadah yang dipimpin oleh pegawai dari PDI.



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei semasa menyampaikan cenderamata kepada Pegawai Pergigian dari Khidmat Pergigian, Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Kapten Dr. Syazirah binti Kuan.

beragama Islam juga banyak membantu mendalami agama Islam yang mana mereka juga selalu membawa beliau ke acara-acara keagamaan.

Kapten Dr. Syazirah binti Kuan merupakan anggota ABDB yang pertama memeluk agama Islam bagi tahun ini dan yang Ke-127

sejak tahun 2006.

Menurut catatan keramaian jumlah yang memeluk agama Islam seluruh negara dari Januari hingga Disember 2019 ialah seramai 349 orang saudara baharu, sementara catatan bagi bulan Januari 2020 pula ialah seramai 33 orang.



Apa Pendapat Biskita?

Sekolah swasta / kerajaan memainkan peranan dalam pendidikan

HARI ini, ibu bapa mempunyai hak untuk memilih sekolah yang anak mereka akan belajar, swasta atau awam. Kedua-dua sekolah swasta dan awam mempunyai kelebihan dan kelemahan yang mesti ditimbang dengan teliti oleh majlis keluarga sebelum membuat keputusan yang bertanggungjawab.

Sekolah swasta kini makin mendapat tempat dalam kalangan ibu bapa yang mahukan pendidikan berkualiti kepada anak-anak mereka dengan memilih menghantar anak ke sekolah swasta berbanding sekolah kerajaan. Pemilihan sekolah swasta ini sangat popular dalam kalangan masyarakat Cina dan Melayu yang mahukan pendidikan berkualiti berbanding dengan sekolah kerajaan.

Namun, apakah semua kebaikan terdapat di dalam pendidikan di sekolah swasta jika dibandingkan sekolah kerajaan? Apa Pendapat Biskita kali ini cuba mendapatkan beberapa pendapat daripada orang ramai kebaikan dan keburukan menyekolahkan anak-anak di sekolah swasta.

"Konsep sekolah swasta ini menawarkan pendidikan dari peringkat prasekolah swasta, sekolah rendah swasta hinggalah ke peringkat sekolah menengah swasta. Sekolah ini tidak mendapat peruntukan daripada kerajaan tetapi perlu mematuhi Kurikulum Kebangsaan. Berbeza pula dengan konsep sekolah swasta, sekolah kerajaan ini dibina untuk pendidikan peringkat rendah dan menengah yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan.

Kebanyakan pelajar-pelajar bersekolah di sekolah swasta datang daripada ibu bapa bekerja profesional yang mampu untuk membayar yuran tinggi yang dikenakan sekolah tersebut. Di samping itu, antara perbezaan sekolah swasta dan sekolah kerajaan adalah kualiti sekolah swasta sentiasa yang mempunyai infrastruktur moden dan terkini seperti bilik darjah, makmal sains, makmal komputer dan pusat sumber. Mereka juga menggunakan hak autonomi seperti kebebasan untuk melantik kakitangan, pengurusan kewangan, *syllabus* dan dasar dalaman bagi menyediakan pendidikan terbaik kepada pelajar mereka.

Pelajar sekolah swasta ini mempunyai pakaian sekolah berbeza dengan sekolah kerajaan dan yuran yang dikenakan juga berbeza hingga mencecah ratusan ringgit. Walaupun sekolah swasta ini sering dianggap sebagai 'sekolah untuk anak orang kaya' oleh sesetengah pihak, ia tidak menghalang ibu bapa menghantar anak mereka ke sekolah swasta. Faktor utama mereka adalah kualiti pendidikan yang lebih baik walaupun terpaksa membayar yuran tinggi. Tetapi tidak semua sekolah swasta mengenakan caj yuran tinggi.

Justeru, terpulang kepada ibu bapa untuk menilai sekolah mana yang menjadi pilihan mereka menghantar anak-anak mereka bagi mendapat pelajaran terbaik. Sistem pembelajaran kedua-dua sekolah juga telah melahirkan ramai golongan profesional seperti doktor, peguam dan lain-lain lagi. Apa yang penting adalah negara ini dapat melahirkan lebih ramai anak-anak muda berkebolehan menjadi pemimpin pada masa akan datang". - **Awang Haji Shahbuddin HR, Jerudong.**

"Suatu yang lumrah atau terpaksa? Itu persoalannya apabila melihat kebelakangan ini kian ramai ibu bapa memilih menghantar anak ke sekolah swasta berbanding sekolah awam. Apakah kelebihan sekolah swasta berbanding sekolah kerajaan? Sudah terhakikah keyakinan ibu bapa terhadap keupayaan sistem pendidikan di negara ini? Banyak yang berfikir dengan menyekolahkan anak-anak mereka ke sekolah swasta akan menjamin kualiti pembelajaran mereka dan memang boleh menjana minda mereka sebab tenaga pengajar lebih mengambil berat dari segi kecemerlangan pelajar. Tetapi ini tidak bererti sekolah kerajaan tidak mampu untuk melahirkan generasi yang berpendidikan. Buktinya banyak para belia yang kini memegang jawatan tertinggi juga berasal dari sekolah kerajaan.

Namun, masih banyak yang berpendapat dengan memasukkan anak-anak mereka ke sekolah swasta akan memberikan peluang yang cerah apatah lagi rata-rata mereka yang disekolahkan di sekolah swasta mampu menguasai bahasa Inggeris dengan begitu fasih sekali dan sekali gus ini mempermudah untuk mereka mendapat jawatan yang lebih tinggi di dalam pekerjaan mereka apabila menamatkan pendidikan mereka nanti. Kedua-duanya ada kelebihan dan kekurangan. Ia bergantung kepada beberapa faktor yang mungkin boleh dijadikan panduan untuk ibu bapa di luar sana mencari sekolah yang terbaik buat anak-anak.

Pada pendapat saya juga, saya tetap dengan pendirian saya yang lama bahawa walau bagaimana hebat dan gahnya misi atau visi sesuatu sekolah itu. Dari tadika hingga ke sekolah rendah, saya suka melihat perwatakan guru-guru tersebut. Kerana mereka merupakan aset terpenting sekolah. Mereka yang akan merealisasikan segala misi dan visi sekolah tersebut". - **Hajah Saadiah binti Haji Momin, Jangsak Villa.**

Bagi pandangan saya sebagai penulis ruang ini, dengan modal yang mencukupi dan kualiti tenaga pengajar yang melebihi standard pada umumnya, membuat sebahagian besar orang tua masih memilih sekolah swasta sebagai pembina pendidikan bagi anak-anak mereka, dibandingkan dengan sekolah kerajaan. Namun, apa pun jua alasan yang diberikan di dalam memilih sekolah mana yang dirasakan bersesuaian untuk anak-anak memulakan pembelajaran mereka tersebut adalah terserah kepada pandangan ibu bapa atau penjaga anak-anak tersebut.

Tetapi pada hakikatnya di mana pun jua anak-anak disekolahkan itu adalah tertakluk cara pengajaran dan penerimaan antara guru dan juga murid berkenaan dan tidak semestinya bermakna dengan menyekolahkan anak-anak ke sekolah swasta dengan bayaran bulanan cukup lumayan akan memberikan hasil yang membanggakan kerana seperti yang kita lihat sendiri begitu banyak lahirnya para cendekiawan yang awalnya berasal daripada sekolah kerajaan sendiri ini menunjukkan bahawa sama ada sekolah swasta atau kerajaan tidak semestinya menjamin kejayaan jika penerimaan daripada para murid atau pelajar tersebut tidak secara serius dan sehebat manapun jua tenaga pengajar tersebut mencurahkan cara pengajaran yang cukup sofistikated juga tidak bererti jika tiada tindak balas daripada para murid dan pelajar.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.
Sila e-melkan pendapat biskita ke :
pelita.brunei@information.gov.bn
i. Punca / Cara Atasi Obesiti
ii. Kebaikan Menyertai Sukan Lasak

Doa Kesyukuran sempena HK36

Berita dan Foto :
Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 28 Februari. - Ahli Perkumpulan Wanita Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sengkurong 'B' mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 (HK36) di Dewan Kemasyarakatan Mukim Sengkurong, di sini.

Hadir selaku Tetamu Khas ialah Penasihat Perkumpulan berkenaan, Datin Hajah Rohanie binti Haji Ahmad.

Pengerusi Perkumpulan, Dayang Hajah Rukiah binti Haji Mohammad Yassin berkata, majlis tersebut bertujuan bagi menunjukkan taat setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan juga negara, dalam menyahut seruan kerajaan bagi bersama-sama ke arah mendukung dan menjayakan Wawasan Negara 2035.

"Di samping Sambutan Hari



PENASIHAT Perkumpulan Wanita Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sengkurong 'B', Datin Hajah Rohanie binti Haji Ahmad semasa menyampaikan sijil kepada penerima.

Kebangsaan, majlis ini juga diselenggarakan dengan Majlis Apresiasi Penyampaian Sijil Penghargaan dan Pengesahan kepada ahli-ahli dan yang pernah menjadi ahli dalam Perkumpulan

Wanita MPK Sengkurong 'B'," katanya dalam ucapan.

Majlis diteruskan dengan Bacaan Surah Yaa Siin yang diketuai oleh Dayang Hajah Kahidah binti Haji Salat, disusuli dengan Bacaan Ratib Al-Attas oleh Dayang Hajah Mardiana binti Haji Leman.

Sementara itu, Dayang Nazirah binti Azizan memimpin Bacaan Doa Kesyukuran sempena HK36.

Manakala, Bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Timbalan Pengerusi Perkumpulan berkenaan, Dayang Hajah Azizah binti Haji Mirasan.

Majlis diserikan dengan persembahan Lagu Kemerdekaan / Patriotik 'Tekad Kemerdekaan' oleh ahli-ahli perkumpulan.

Tetamu Khas seterusnya menyampaikan Sijil Apresiasi kepada seramai 87 penerima.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Ahli-ahli Muslimah Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong.



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Pusat Belia Bandar Seri Begawan'. Tarikh Tutup : 4 Mac 2020
2. 'Produk Tempatan Berpotensi Tembusi Pasaran Luar'. Tarikh Tutup : 11 Mac 2020
3. 'Waspada Menyebarkan Maklumat Di Sosial Media'. Tarikh Tutup : 18 Mac 2020

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Lima pemenang BIBD Aspirasi 2 bawa pulang BND10,000



SESI bergambar ramai Timbalan Pengarah Urusan BIBD, Dayang Hajah Noraini binti Haji Sulaiman bersama para pemenang cabutan suku tahunan dan bulanan bagi BIBD Aspirasi 2.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 28 Februari. - Lima pemenang BIBD Aspirasi 2 bagi cabutan suku tahunan pertama masing-masing membawa

pulang wang tunai sejumlah BND10,000.

Para pemenang terdiri daripada Lee Lee Ping, Haji Awang Bahar bin Musa, Yong Kim Fah, Jong

Cherng Jyi dan Risnani binti Haji Abd Halim @ Lim.

Sementara 35 orang pemenang masing-masing membawa pulang BND1,000 bagi cabutan bulanan ketiga kempen berkenaan.

Hadir menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Timbalan Pengarah Urusan BIBD, Dayang Hajah Noraini binti Haji Sulaiman yang berlangsung di BIBD Connects Taman Mahkota Jubli Emas, di sini.

Para pemenang dipilih melalui pelanggan yang telah melanggan BIBD Aspirasi 2 dalam jangka waktu minimum 90 hari.

Program Ganjaran BIBD Aspirasi 2 akan berakhir dengan cabutan hadiah utama nanti berjumlah BND250,000.

Untuk melayakkan diri bagi cabutan hadiah utama, pelanggan hendaklah melanggan BIBD Aspirasi 2 sekurang-kurangnya 90 hari sebelum cabutan.

BIBD Aspirasi mula diperkenalkan kepada semua sebagai disiplin simpanan yang lebih mudah, mudah diakses dan sebagai langganan dan penebusan yang boleh dibuat

Berita dan Foto: Saerah Haji Abdul Ghani

secara langsung melalui aplikasi mudah alih BIBD, 'BIBD NEXGEN Wallet'.

Ita telah membantu pelanggan mewujudkan satu disiplin menabung dan BIBD berharap ia

menjadi tabiat, di samping meningkatkan budaya simpanan negara ke tahap yang dapat membantu mengekalkan keperluan di setiap peringkat kehidupan mereka.



PARA pemenang BIBD Aspirasi 2 bagi cabutan suku tahunan pertama masing-masing membawa pulang wang tunai sejumlah BND10,000.

Tahlil di Kubah Makam Diraja



SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (dua, kiri) hadir pada majlis tersebut.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 Februari. - Bersempena dengan Sambutan Hari Ulang Tahun Penubuhan Jabatan Penjara Ke-66, Tahun 2020 yang disambut setiap 1 Mac, Jabatan Penjara mengadakan Majlis Bertahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit bertempat di Kubah Makam Diraja, di sini.

Hadir ialah Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Md. Amir Hairil bin Haji Mahmud.

Bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil dipimpin oleh Guru Agama Institut Penjara Maraburong Fasa 3, Awang Azmi bin Haji Tapau dan Wadar 536 Awang Haji Mohd. Amin bin Haji Mohammad.

Juga hadir, Pemangku Pengarah Penjara, Awang Haji Muhammad Isamuddin bin Abdullah Juna, Pegawai-pegawai Kanan, pegawai-pegawai serta kakitangan dari Jabatan Penjara.

Bimbing dan pimpin belia untuk sentiasa menjaga akidah

Dari muka 10

Menurut beliau lagi, belia Islam yang memenuhi ciri-ciri yang disebutkan di dalam hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam adalah belia yang mampu menangani zaman yang penuh dengan cabaran, belia yang mempunyai jati diri yang teguh yang sangat memberi manfaat kepada agenda pembangunan negara di masa hadapan termasuklah dalam memberikan sumbangan yang bermakna kepada agama, bangsa, raja dan negara.

KKBI merupakan satu konvensyen yang menyatukan belia-belia khususnya kumpulan-kumpulan belia yang bernaung di bawah entiti KHEU, kumpulan-kumpulan belia di

Negara Brunei Darussalam, Institut-institusi Pengajian Tinggi dan orang-orang awam, di samping turut menjemput perwakilan dari anggota MABIMS.

Ita merupakan wacana atau platform intelek yang bertujuan bagi menghimpunkan para belia Islam untuk bergabung tenaga menyumbang fikiran ke arah menghasilkan sebuah resolusi untuk penambahbaikan khususnya berkaitan pergerakan aktiviti belia dalam bidang keagamaan.

Antara objektif ia diadakan adalah bagi menyediakan platform dan sarana serta wadah bagi para belia untuk bersuara dan menyedari peranan dan kemampuan mereka dalam memberi sumbangan yang positif kepada bangsa dan negara dalam

sama-sama menyokong perkembangan belia dan juga Wawasan Brunei 2035.

Di samping itu, ia juga sebagai ruang untuk para belia mengenali dan memahami hasrat dan fungsi pihak kerajaan khususnya KHEU.

Bagi menjayakan lagi konvensyen ini, beberapa penaja juga turut memberi sumbangan berupa dispenser air Cuckoo daripada Cuckoo Brunei, di mana para peserta boleh membawa botol air sendiri di sepanjang konvensyen ini berlangsung, di samping itu menerima sumbangan Bean Bag daripada Beanbag Brunei, lencana butang (button badges) daripada Kalerful Print, dan minuman air botol Rainfresh daripada Superwater Marketing Sdn. Bhd.

SR YSHHB sambut Hari Kebangsaan Ke-36 Tahun



ANTARA yang berangkat pada sambutan tersebut, cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raihaanah Hanaa-Ui Bolqiah binti Pengiran Anak Khairul Khalil (kiri). Sementara gambar atas, bacaan ikrar daripada penuntut-penuntut sekolah berkenaan.

dengan Persembahan Alun Genderang oleh 30 orang penuntut sekolah berkenaan yang terlibat pada Upacara Perhimpunan Agung bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 Tahun

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

baru-baru ini. Majlis berunsurkan patriotisme itu bertujuan memupuk kesedaran penuntut-penuntut untuk cinta

kepada negara dan raja, di samping dalam sama-sama memeriahkan lagi Sambutan Hari Kebangsaan tahun ini.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 Februari. - Seramai 500 orang pelajar Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolqiah (SR YSHHB) yang terdiri dari penuntut Tahun 4 hingga 6 terlibat dalam menjayakan Formasi Angka 36 yang telah dibentuk di ruang legar sekolah berkenaan.

Formasi itu menunjukkan semangat patriotisme dan cintakan Negara Brunei Darussalam yang dizahirkan melalui Formasi Angka 36 bersempena Majlis Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36.

Antara yang berangkat pada sambutan tersebut, cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raihaanah Hanaa-Ui Bolqiah binti Pengiran

Anak Khairul Khalil.

Juga turut berangkat cucunda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolqiah, Pengiran Anak Adriana Haziqah Jaida Bulqiah binti Pengiran Anak Haji Abdul 'Ali Yil-Kabier dan Pengiran Anak 'Alisha Husnara Jaida Bulqiah binti Pengiran Anak Haji Abdul Ali Yil-Kabier. Hadir semasa majlis sambutan tersebut ialah Pemangku Pengetua SR YSHHB, Awang Abdul Samat bin Banin.

Terdahulu, Majlis Sambutan Hari Kebangsaan dimulakan dengan menyanyikan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan diikuti dengan ikrar Hari Kebangsaan yang dipimpin oleh Awang Zayyan Aaryan bin Noor Hadzrin yang merupakan penuntut Tahun 6.

Majlis juga turut diserikan



FORMASI Angka 36 yang dibentuk oleh penuntut-penuntut sekolah berkenaan.

Menyemai semangat patriotik dalam kalangan pelajar



PARA pelajar Tahun 7 Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan ketika mendengarkan taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.



PEGAWAI Penerangan selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan menyampaikan taklimat.

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 Februari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan telah mengadakan Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei

Darussalam di Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan.

Seramai 144 orang pelajar dari Tahun 7 telah menghadiri taklimat tersebut yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Mohammad Hisyam bin

Idris.

Dalam taklimat tersebut, beliau antara lain menyentuh mengenai Raja Kita, tatacara menaik-kibarkan Bendera Negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Taklimat yang berlangsung di dewan sekolah berkenaan turut memberikan peluang kepada para pelajar untuk menyaksikan tayangan klip video yang bertajuk

'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan video animasi mengenai tatacara menaikkan bendera negara dengan betul.

Taklimat Kenegaraan ini merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai rasa cinta terhadap raja, agama, bangsa dan juga negara. Selain itu, ia juga bermatlamat untuk mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan

kenegaraan yang tinggi dalam diri pelajar melalui cintakan raja, bendera negara dan lagu kebangsaan.

Dalam memeriahkan lagi taklimat, para pelajar juga berpeluang untuk mengikuti aktiviti Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan. Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang telah berjaya menjawab kuiz kenegaraan.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ihsan pix.jameswk

Pusat Penjagaan Mata penuhi keperluan komuniti berkeperluan khas

MASYARAKAT harus menghargai setiap orang tanpa mengira kemampuan atau kecacatan mereka. Hanya dengan berbuat demikian, maka kita boleh menjadi masyarakat yang benar-benar inklusif, di mana setiap orang boleh menyumbang dan berkongsi kemajuan negara.

Perkara itu pernah ditekankan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dalam sabdanya ketika menyempurnakan Perasmian Bangunan Rehabilitasi Baharu Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam Fasa 1, di Kampung Bengkurong, di sini pada 13 Julai 2017 yang lalu.

Justeru, adalah baik untuk melihat penyertaan aktif di antara Pusat Ehsan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kita perlu bekerjasama untuk membina sebuah masyarakat inklusif yang menyatupadukan golongan kurang upaya berlainan fizikal dan mental ke dalam masyarakat majmuk.

Antaranya, kita perlu mendorong perubahan positif melalui kerjasama dan rakan kongsi juga bekerjasama untuk mempromosikan penyertaan yang lebih aktif rakyat Brunei dalam memeduli golongan khas.

Sehubungan itu, Pusat Ehsan terus menyediakan penjagaan dan perkhidmatan yang berkualiti untuk komuniti berkeperluan khas di Brunei sejak 17 tahun yang lalu dan antara yang menarik perhatian baru-baru ini ialah mengenai penjagaan mata.

Bagi memenuhi keperluan penjagaan mata komuniti berkeperluan khas, Kementerian Kesihatan melalui Pusat Mata, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dengan sokongan dan kerjasama Pusat Ehsan buat julung kalinya telah melancarkan perkhidmatan terbaharu dalam perawatan mata iaitu Perkhidmatan Brunei Special Eye Care (BRU-SPECS) dengan menjalankan pemeriksaan mata, pemantauan dan rawatan mata khas untuk komuniti berkeperluan khas.

Pemeriksaan saringan mata yang pertama telah diadakan untuk kanak-kanak dan belia yang berkeperluan khas di Pusat Ehsan pada tahun 16 November 2018 yang lalu.

Menurut Dr. Hajah Helena binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Haji Hurairah, selaku Ketua Perkhidmatan BRU-SPECS menjelaskan, BRU-SPECS dibentuk setelah dikenal pasti terdapatnya keperluan pendekatan penjagaan kesihatan mata yang lebih holistik dan sepadu antara komuniti berkeperluan khas dan perkhidmatan kesihatan kerajaan serta organisasi-organisasi bukan kerajaan terutamanya bagi kanak-kanak dan golongan belia berkeperluan khas yang masih lagi dalam alam persekolahan.

Tujuan BRU-SPECS ditubuhkan adalah untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan mata yang komprehensif bagi golongan berkeperluan khas dan menyediakan penjagaan mata yang berterusan dalam membantu mengoptimalkan kualiti hidup mereka.

Menjawab mengenai isu utama yang sering dihadapi oleh golongan orang berkeperluan khas dari segi penjagaan mata, beliau menjelaskan, antara masalah yang selalu dihadapi adalah masalah kabur mata, katarak, mata juling dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Pusat Mata akan sentiasa memantau serta menjalankan pemeriksaan atau rawatan yang sepatutnya sesuai dengan keperluan setiap individu berkeperluan khas ini.

Sehubungan itu, dengan adanya perkhidmatan BRU-SPECS ini, diharap akan dapat membantu semua kanak-kanak dan golongan belia berkeperluan khas dari semua organisasi bukan kerajaan di bawah naungan Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) untuk saringan penglihatan oleh kakitangan Jabatan Oftalmologi dari Pusat Mata, Hospital RIPAS.

Setakat mana program BRU-SPECS ini berjaya dilaksanakan? BRU-SPECS telah berupaya melancarkan urusan pemeriksaan

mata bagi individu-individu berkeperluan khas ini dan hasilnya memudahkan mereka mendapat pemantauan dan rawatan mata yang sewajarnya dan dengan itu membantu mereka melalui kehidupan dengan lebih bermakna.

"InsyaaAllah program seumpamanya akan dicadangkan untuk diadakan lagi pada Hari Penglihatan Sedunia 2020 pada bulan Oktober 2020 nanti," jelas beliau lagi.

Sementara itu, Ketua Unit Pemulihan Anggota Pusat Ehsan, Noel Mendiola menjelaskan, seramai lebih dari 120 pelajar terlibat pada pemeriksaan mata tersebut yang diadakan selama dua hari.

Menjawab mengenai inisiatif perkhidmatan BRU-SPECS itu, beliau berpendapat ia sangat dialu-alukan dan wajar untuk dilaksanakan setiap tahun, di samping turut mengangap dengan adanya keprihatinan orang ramai dan pihak-pihak tertentu menunjukkan bahawa Pusat Ehsan kini mampu berdaya maju dalam menaiki taraf perkhidmatannya dalam memeduli golongan yang berkeperluan khas ini.

Di samping itu, para ibu bapa kanak-kanak dan golongan belia yang terlibat juga turut memberikan kenyataan positif dan menyokong tindakan pihak pusat dalam menganjurkan aktiviti atau program perkhidmatan seumpamanya dengan

memberikan anak-anak mereka peluang dan kemudahan pemeriksaan mata, memandangkan pemeriksaan kesihatan adalah penting dan amat perlu bagi anak-anak mereka.

Sehubungan itu, dengan adanya perkhidmatan sedemikian dan kerjasama lain dengan pelbagai agensi kerajaan, bukan kerajaan, sukarelawan dan sebagainya adalah penting dalam visi pusat berkenaan untuk membina masyarakat yang lebih cerah terutama golongan orang-orang yang berkeperluan khas di negara ini.

Pusat Ehsan adalah sebuah badan bukan kerajaan, badan amal yang komited untuk menyediakan program pendidikan, pemulihan dan latihan yang berkualiti untuk individu yang mempunyai keperluan khusus, yang antara visinya membolehkan komuniti berkeperluan khas untuk menjalani kehidupan yang bermakna dalam masyarakat.

Sementara misi mereka pula ialah untuk memberi latihan, bantuan dan penjagaan bagi individu yang mempunyai keperluan khas untuk mencapai potensi penuh mereka dalam masyarakat.

Dalam pada itu, Pusat Ehsan juga telah membuat beberapa pencapaian utama antaranya menerusi 'Kempen Keupayaan Saya' yang mengetengahkan para pelatihnya kepada masyarakat dengan mendapatkan pengalaman bekerja di sektor swasta.

Seterusnya peluang kemasukan di sekolah, di mana para pelajar pusat berpeluang untuk mengikuti pendidikan aliran utama di sekolah-sekolah yang terpilih dengan menyediakan sokongan tambahan jika diperlukan.

Dan Program Pemulihan Fizikal melalui *Biopsychosocial Intervention*, di mana setiap sesi rawatan digabungkan dengan *Biomedical* dengan pendekatan psikososial dan Unit Rehabilitasi Fizikal Pusat Ehsan menyediakan pendekatan pesakit yang berpusat, di mana setiap pesakit akan menghadapi pembatasan dan sekatan aktiviti dalam menyertai komuniti dan perlu dipertimbangkan dari segi faktor peribadi, kebudayaan dan kekeluargaannya.

Dalam pada itu, Pusat Ehsan adalah komited dalam menyediakan pelbagai program latihan, pendidikan dan pemulihan yang direka di pusat berkenaan untuk memenuhi keperluan individu yang mempunyai keperluan khas di Negara Brunei Darussalam termasuk individu yang mempunyai *cerebral palsy*, *down sindrom*, gangguan spektrum autisme, gangguan pendengaran, gangguan penglihatan dan ketidakupayaan perkembangan dan fizikal yang lain.

Pusat ini juga telah menyediakan perkhidmatan berkenaan kepada lebih daripada 200 orang dari kedua-dua cawangan Bandar Seri Begawan dan Kuala Belait dengan jumlah yang semakin meningkat sejak bertahun-tahun, dan antara program yang disediakan di pusat berkenaan termasuklah Program Pendidikan, Program Pra-Vokasional; Program Vokasional dan Program Fizikal Rehabilitasi.



DPMM FC menang bergaya



ANTARA aksi perlawanan di antara DPMM FC menentang Panchor Murai FC pada Liga Super Brunei 2020 (kiri). Sementara gambar atas, DPMM FC semasa merayakan kemenangan setelah menjaringkan gol pada perlawanan tersebut.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

JERUDONG, Jumaat, 28 Februari. - DPMM FC menang bergaya menentang Panchor Murai FC dengan keputusan 4 - 0 pada siri perlawanan Liga Super Brunei 2020 yang berlangsung di Stadium Mini Jerudong Park, di sini. Gol bagi DPMM FC pada malam tersebut masing-masing dijaringkan oleh Abdul Salam, Shuhei Sasahara, Imam Mahdi Suhaimi dan Shafiq Hidayat Azim

Sharizan. Pada separuh masa pertama menyaksikan DPMM FC berjaya mengawal permainan dengan bijak yang mana Jiho Choi nyaris saja membuka jaringan seawal minit ke-16 menerusi tendangan percuma namun tersasar sedikit ke sudut kiri. Penyerang pasukan, Shafiq

Hidayat kurang bernasib baik apabila gagal merebut peluang keemasan untuk menjaringkan gol bagi DPMM FC pada minit ke-20, 26 dan 28.

Tandukan jarak dekat Abdul Salam akhirnya berjaya menembusi gawang Panchor Murai FC pada minit ke-38.

Babak kedua perlawanan pula menyaksikan kedua-dua pasukan saling berbalas serangan namun nasib lebih menyebelahi DPMM FC apabila pemain pertahanan, Shuhei Sasahara membolosi gawang pasukan lawan dengan bergaya menerusi

sepakan percuma pada minit ke-62.

DPMM FC seterusnya berjaya mengawal permainan apabila Imam Mahdi Suhaimi seterusnya berjaya memanfaatkan peluang untuk menjaringkan gol menerusi kesilapan penjaga gawang Panchor Murai FC pada minit ke-82.

Shafiq Hidayat akhirnya berjaya menjaringkan gol bagi DPMM FC setelah dengan bijak mengalahkan penjaga gawang lawan pada minit ke-90.

Keputusan perlawanan berakhir 4 - 0 sehingga pengadil meniupkan wisel penamat.

قرتندیغن منچیققتا لوکو

PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO

BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEBAGAI PENERUSI ASEAN TAHUN 2021

Tarikh tutup pertandingan:
21 Mac 2020

Keterangan lebih lanjut boleh diperoleh melalui :

Urus Setia Pertandingan Logo, Tingkat 2
Bangunan Asal, Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam, BB3510

Telefon : 2383400
E-mel : aseansummit2021@information.gov.bn

PEMENANG AKAN MENERIMA HADIAH BERUPA WANG TUNAI

PERTAMA
BND3,000

SAGU HATI X4
BND300

Liga Bola Keranjang Kebangsaan 5.11, 8 Mac ini

Terjemahan : Haji Mirazman Haji Othman
Siaran Akhbar : Brunei Basketball Association

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 28 Februari. - Persatuan Bola Keranjang Brunei dengan kerjasama Persatuan Bola Keranjang Daerah Belait dan Tutong akan menganjurkan Liga Bola Keranjang Kebangsaan 5.11 yang kedua pada 8 Mac 2020.

Liga Bola Keranjang Kebangsaan akan menampilkan Kategori Lelaki dan Wanita. Enam pasukan akan mengambil bahagian dalam Kategori Lelaki (Brunei Muara A, Brunei Muara B, Temburong, Tutong, Belait dan Seria), manakala empat pasukan akan mengambil bahagian dalam Kategori Wanita (Brunei Muara, Temburong, Tutong dan Belait).

Semua perlawanan akan mengambil tempat di Gelanggang Persatuan Bola Keranjang Brunei di Batu Bersurat.

"Memandangkan kebimbangan berterusan terhadap Corona Virus dan kekurangan sumber, kami terpaksa mengurangkan jumlah permainan dan menggantung format Home and Away yang merupakan ciri utama Liga Kebangsaan tahun lepas," kata Encik Lim Boon Teck, Timbalan Presiden Persatuan Bola Keranjang Brunei.

"Liga Bola Keranjang Kebangsaan adalah platform penting yang memberikan pendedahan kepada wanita dan pemain muda bola keranjang. Pemain dari Liga Kebangsaan boleh dipilih untuk mewakili Brunei dalam Kejohanan 'Borneo Intercity' yang akan diadakan pada bulan Jun," tambah Encik Lim Boon Teck.

Liga Bola Keranjang Kebangsaan ditaja oleh 5.11 dengan You-C1000 sebagai minuman sukan rasmi.

Ekseksais BRUSING, 1 - 31 Mac

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 Februari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan Polis Republik Singapura (Gurkha) akan mengadakan EKSESAIS BRUSING XXVIII Tahun 2020 menggunakan peluru hidup.

Menurut siaran akhbar PPDB, ekseksais tersebut akan diadakan pada 1 Mac hingga 31 Mac 2020 bertempat di Bukit Bedawan dan Sungai Sunan, Daerah Tutong.

Manakala pada 15 Mac hingga 31 Mac 2020 di Sungai Banchong, Daerah Tutong.

Sehubungan itu, pihak PPDB memaklumkan orang ramai yang tinggal berdekatan supaya tidak mendekati atau memasuki kawasan EKSESAIS BRUSING tersebut dan tidak berasa cemas semasa ekseksais tersebut dijalankan.

Sukan

INFO SUKAN

SEKOLAH Rendah Dato Mohd Yassin, Rancangan Perumahan Negara Mentiri telah mengadakan Program Bola Sepak Sekolah yang disertai lebih 50 murid pada 22 Februari 2020, untuk mengenal pasti murid-murid yang boleh mewakili pasukan sekolah yang akan bertanding pada kejohanan di peringkat sekolah-sekolah rendah bermula 31 Mac 2020 bagi Kluster 4.



ePaper Pelita Brunei

Pengiriman Haji Redzaini solo ride sejauh 3,200km

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 Februari. - Salah seorang daripada Ahli Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA), Pengiriman Haji Redzaini bin Pengiriman Haji Ahmad berlepas hari ini bagi memulakan perjalanan 'Saddlesore Solo Ride 2020' sejauh 3,200 kilometer bermula dari Negara Brunei Darussalam kemudian merentasi seluruh daerah di Sarawak sehingga ke Teluk Melano (0 Kilometer) kemudian menuju ke negeri bawah bayu, Sabah iaitu Kudat (Tip of Borneo) dan berakhir di Kota Kinabalu sebelum kembali ke tanah air, Negara Brunei Darussalam.

Perjalanan *solo ride* beliau bermula dari 27 Februari hingga 3 Mac dan dijangka mengambil masa selama enam hari memandangkan beliau pergi secara bersendirian tanpa diiringi mana-mana *back up* dan kenderaan lain.

Acara perlepasan 'Saddlesore Solo Ride 2020' tersebut dirasmikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin bertempat di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tujuan acara tersebut adalah untuk mempromosikan Festival Antarabangsa Motosikal Berkuasa Tinggi Kepulauan Borneo (BIIBBF) Ke-21 yang akan berlangsung pada 26 hingga 28 Jun 2020 di mana Negara Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah bagi acara berkenaan.

Pengiriman Haji Redzaini ketika ditemui menjelaskan, beliau akan menunggang motosikal secara solo tanpa henti selain ingin mencatatkan rekod sebagai orang yang pertama menunggang motosikal secara bersendirian menjejak '0 Kilometer to Tip of Borneo' iaitu sejauh 1,600 kilometer dalam masa 24 jam.

"Persediaan yang telah dibuat sebelum memulakan perjalanan setentunya adalah dari fizikal dan mental juga keadaan motosikal di dalam keadaan yang baik untuk ditunggang," ujarnya.

Antara cabaran yang biasanya akan ditempuhi tambahnya ialah keadaan cuaca dan keadaan jalan yang akan dilalui.

Beliau berharap segala urusan dan sepanjang perjalanannya akan berjalan lancar dan dipermudahkan serta selamat kembali pulang ke tanah air.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyerahkan Bendera Negara kepada Pengiriman Haji Redzaini bin Pengiriman Haji Ahmad (atas). Sementara gambar kanan, 'solo ride' Pengiriman Haji Redzaini bermula dari 27 Februari hingga 3 Mac mengambil masa selama enam hari.

DPMM FC menang bergaya



ANTARA aksi perlawanan di antara DPMM FC menentang Panchor Murai FC pada Liga Super Brunei 2020 yang berlangsung di Stadium Mini Jerudong Park. (Lihat muka 23)

Tahukah Awda

SURUHANJAYA Persaingan Brunei Darussalam (SPBD) melancarkan laman sesawang rasmi bagi orang awam dan peniaga untuk mempelajari dengan lebih lanjut mengenai Perintah Persaingan yang akan berkuat kuasa secara berfasa, mulai 1 Januari 2020. Laman sesawang boleh diakses di www.ccbd.gov.bn.

Bagi menggalakkan kepatuhan peniaga, laman sesawang Suruhanjaya Persaingan memuatkan maklumat praktikal mengenai amalan-amalan yang dilarang di bawah perjanjian anti-persaingan (kartel) juga garis panduan yang berkaitan, termasuk mekanisme aduan dan peranan peniaga dalam menghentikan kartel seperti di dalam Garispandu Kelonggaran (Leniency Guidelines).

Laman sesawang juga menyediakan bahan-bahan rujukan seperti Soalan-soalan Lazim; Garispandu Persaingan bagi Peniaga; dan Memahami dan Mengesan Tipuan Bidaan di dalam Perolehan Awam, juga perkembangan mengenai aktiviti-aktiviti sosialisasi utama yang diadakan setakat ini, termasuk dialog bersama peniaga dan vendor perolehan awam.

SUMBER : Siaran Akhbar Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam, 1 Januari 2020.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'AMAL KEBAIKAN AKAN HILANG DISEBABKAN SIFAT HASAD DENGKI'

دتر بیتکن اوله جباتن قنراغن، جباتن فردان منتری دان دچیتقن اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam